



● BIL 309 ● 18 - 24 APRIL 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



MALAYSIA MENDEPANI *tarif Trump* ➤➤ 2-4

Tun Abdullah
diplomasi terulung
➤➤ 6

Cadangan sekolah
bertingkat realistik
➤➤ 17

Promosi gaya
hidup sihat komuniti
➤➤ 21

Kembali ke meja rundingan multilateral

FOKUS INDUSTRI MILIK SENDIRI

LAPORAN: AINI MAWAWI, SERIMAH SALLEHUDDIN, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

MALAYSIA w a j a r m e m b a n g u n k a n industri milikan sendiri dalam mendepani sebarang ketidaktentuan ekonomi global khususnya tarif timbal balik yang diumumkan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Demikian cadangan dilontarkan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kewangan dan Ekonomi Dewan Rakyat, **Lee Chean Chung** kepada kerajaan susulan tindakan Trump tersebut.

Malah beliau yang juga Ahli Parlimen Petaling Jaya berpendapat Malaysia juga perlu mempunyai keupayaan untuk mengeksport barangan buatan dan milikan sendiri

berkenaan, khususnya barangan bernilai tinggi seperti semikonduktor.

“Ini (tarif timbal balik) merupakan satu tindak balas AS untuk mengekalkan industri mereka.

“Namun ia tidak mengikuti peraturan P e r t u b u h a n Perdagangan Dunia (WTO), dan Malaysia antara negara yang menjadi mangsa,” katanya kepada Wilayahku.

Terdahulu Trump mengumumkan tarif timbal balik ke atas negara-negara di seluruh dunia dalam



CHEAN CHUNG

gelombang perang perdagangan global.

Trump menegaskan bahawa usaha ekonomi baharunya bertujuan membina ekonomi Amerika dengan merangsang sektor pembuatan domestik, m e n i n g k a t k a n hasil kerajaan dan menghalang apa yang disifatkannya sebagai ‘penipuan’ dalam perdagangan.

Malaysia antara negara yang tersenarai dengan tarif sebanyak 24 peratus.

Biarpun begitu Trump

kemudiannya mempertimbangkan penangguhan 90 hari ke atas tarif timbal balik terhadap lebih 75 negara rakan dagang.

Dalam pada itu, Chean Chung berpendapat bahawa dalam tempoh penangguhan 90 hari itu, Malaysia perlu terus berhubungan dengan AS dan semua negara lain.

Ini katanya terutama ASEAN untuk mewujudkan satu suara bagi menangani ‘perang perdagangan’ berkenaan.

Malaysia jelas beliau memerlukan semua pihak untuk terus membangunkan ekonomi negara di sebalik AS merupakan pelabur terbesar di Asia Tenggara manakala China pula pedagang terbesar

dengan Malaysia.

Ke hadapannya beliau menegaskan bahawa semua pihak harus balik ke meja rundingan multilateral.

“Saya bimbang dunia makin menjadi bipolar. ini tidak baik kerana ia tidak menggalakkan perdagangan secara efektif dan mengancam keselamatan dunia,” tegasnya.

Seperkara lain beliau berpendapat Malaysia harus lebih mengukuhkan daya beli rakyat tempatan di samping meningkatkan perdagangan sesama ASEAN dan Asia.

“Ini akan dapat mengurangkan risiko kebergantungan kepada satu-negara,” katanya. 

Kaji data, kesan langsung tarif AS

TARIF timbal balik Amerika Syarikat (AS) yang diumumkan Presiden Donald Trump baru-baru ini dijangka memberi kesan langsung kepada Malaysia dan beberapa negara ASEAN lain.

Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors, **Mohd Sedek Jantan** berkata tarif baru itu akan mengganggu perdagangan antarabangsa.

Bukan saja memberi kesan kepada harga barang tetapi boleh membawa kepada risiko kemelesetan ekonomi global.

“Negara lain seperti China dan Kesatuan Eropah (EU) dijangka bertindak balas terhadap tarif AS ini.

“Rantaian bekalan global yang sudah pun tegang bakal berdepan tekanan tambahan jika perang perdagangan terus memuncak.

“Kini, perang perdagangan dianggap antara lima faktor utama yang boleh m e n c e t u s k a n kegawatan ekonomi dunia, bersama isu lain seperti kejatuhan pasaran saham dan masalah hutang negara besar seperti AS,” katanya.

Tempiasnya kata Mohd Sedek akan terkena kepada Malaysia dan negara ASEAN lain.

Eksport Malaysia ke AS kini dikenakan cukai sebanyak 24%.

Ini jelas beliau bukan jumlah kecil kerana AS merupakan antara pasaran utama, mengambil kira-kira 10% daripada jumlah eksport negara.

“Malaysia dan beberapa negara ASEAN lain kini terkesan secara langsung dengan tarif baru yang dikenakan oleh Amerika Syarikat.

“Buat masa ini, ramalan pertumbuhan ekonomi Malaysia

bagi tahun 2025 masih pada kadar 4.8%, seperti yang dijangka UOB Kay Hian Wealth Advisors sebelum ini.

“Namun, jika data ekonomi bulan Mac menunjukkan tanda-tanda kelembapan, angka ini mungkin akan disemak semula.

“Tanda awal kelembapan sudah kelihatan antaranya pengeluaran perindustrian merosot dan bacaan PMI (Indeks Pengurus Pembelian) pula hampir mencecah tahap yang menunjukkan aktiviti ekonomi semakin perlahan,” kata Sedek.

Mata wang ringgit juga katanya sedang ditekan dan dijangka terus lemah sehingga mencecah RM4.55 untuk AS\$1 menjelang akhir tahun.

Kelemahan ringgit ini bermakna barangan import akan menjadi lebih mahal, sekali gus menyebabkan harga barang dalam negara meningkat.

Sementara itu kata Mohd Sedek di peringkat global, tindak balas terhadap tarif diumumkan Amerika Syarikat sedang dirancang.

China dijangka mengambil langkah balas, berkemungkinan mengenakan tarif ke atas barangan atau perkhidmatan dari Amerika Syarikat.

Kesatuan Eropah juga berpotensi untuk turut serta dalam tindakan balas tersebut. Ketegangan ini berlaku dalam keadaan rantaian bekalan global yang sudah pun berada dalam keadaan tegang dan tidak stabil.

“Perang perdagangan kini tergolong dalam lima pencetus utama kemelesetan ekonomi global, selain disebabkan kejatuhan pasaran ekuiti, penarikan semula dasar fiskal, ketidaktentuan siling



hutang negara Amerika Syarikat, dan juga lonjakan premium risiko pasaran.

“Di Amerika Syarikat sendiri, pasaran menunjukkan reaksi negatif. Namun begitu, pasaran buruh kekal kukuh.

“Laporan pekerjaan bagi bulan Mac mencatatkan pertambahan 228,000 pekerjaan berbanding 140,000, sekali gus mencerminkan ketahanan ekonomi domestik.

“Bagaimanapun keadaan ini mewujudkan dilema buat Rizab Persekutuan (*Federal Reserve*). Kesan tarif ini menyerupai kejutan bekalan (*supply shock*), seperti yang berlaku akibat krisis minyak pada tahun 1970-an atau sewaktu pandemik COVID-19 pada 2020,” katanya.

Bursa Malaysia juga menyaksikan penurunan ketara berikutan pelaksanaan tarif balas oleh Amerika Syarikat pada 9 April lalu.

Situasi itu memberi kesan besar kepada sektor yang bergantung kepada perdagangan dan eksport global.

Sektor seperti teknologi,

elektronik, produk dan perkhidmatan perindustrian serta pembuatan mengalami tekanan paling hebat.

Trend ini turut dilihat di peringkat serantau apabila pasaran saham di Jepun, Hong Kong dan Singapura turut menjunam, memperlihatkan kesan terhadap ekonomi yang bergantung kepada eksport seperti Malaysia.

Ditanya kesan yang bakal dihadapi negara susulan daripada kenaikan tarif, Mohd Sedek berkata kesan limpahan global tetap memberi impak.

Penurunan 1% dalam KDNK dunia berpotensi mengurangkan hampir 0.38% daripada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Ketidaktentuan nilai ringgit juga dijangka meningkat dalam keadaan pasaran global yang tidak menentu.

Namun beliau berkata terdapat beberapa penampan serantau—China kini mengalihkan lebih banyak eksportnya ke ASEAN (16.4% pada tahun 2024), dan bank-bank pusat Asia sedang mengambil langkah awal.

India dan Filipina telah menurunkan kadar faedah. Bank

Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada paras 3%, tetapi sekiranya perdagangan terjejas teruk, rangsangan fiskal mungkin akan dipertimbangkan semula.

Ditanya sama ada panik yang berlaku sekarang, katanya ia mungkin tidak sepenuhnya, tetapi juga bukan sekadar gangguan sementara.

“Ya, rundingan dan pengecualian tarif boleh mengurangkan tekanan. Namun, asas ekonomi tidak boleh dinafikan, nisbah hutang kepada KDNK Amerika Syarikat kini mencecah 120%.

“Ekonomi Malaysia pula sangat bergantung kepada eksport. Dari sudut teknikal—sentimen pasaran, menunjukkan isyarat berhati-hati.

“Sekiranya perniagaan menghentikan operasi, menangguhkan pengambilan pekerja, atau menunda pelaburan, kemerosotan ekonomi boleh menjadi kenyataan yang terwujud sendiri. Jawapannya bukanlah panik—tetapi ia juga bukan penafian,” katanya. 



MOHD SEDEK

Tumpu pelaburan strategik dalam pelbagai bidang

MALAYSIA MAMPU BERTAHAN

MALAYSIA diyakini mempunyai daya tahan mencukupi untuk menghadapi sebarang tekanan perdagangan termasuk impak daripada perang tarif yang diumumkan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Ia berikutan kepelbagaian pasaran eksport serta kekuatan jaringan perniagaan perdagangan antarabangsa yang telah dimeterai negara ini.

Menurut Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid**, walaupun AS merupakan pasaran eksport kedua terbesar bagi Malaysia pada 2024 dengan nilai RM198 bilion atau 13.2 peratus daripada keseluruhan eksport, kepelbagaian pasaran yang melibatkan ASEAN, China, India dan Kesatuan Eropah membolehkan Malaysia menangani impak sekatan tarif dengan lebih berkesan.

"Malaysia juga telah menandatangani 16 perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang memberi akses eksport tanpa tarif atau bertarif rendah ke pelbagai negara. Ini satu kekuatan besar dalam memastikan eksport negara terus mampan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta

semikonduktor buat masa ini masih menikmati pengecualian tarif oleh kerajaan AS, namun keputusan itu boleh berubah bergantung kepada dasar semasa Presiden AS.

"Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada pengecualian ini kerana landskap politik di AS sangat dinamik. Oleh itu, langkah kerajaan Malaysia untuk terus berunding dengan Washington adalah tepat dan strategik," jelasnya.

Mengulas mengenai kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan global, Afzanizam menjelaskan bahawa perang tarif boleh menjelakkan pelancaran pergerakan barangan input dan meningkatkan kos perniagaan.

"Produk seperti telefon pintar melalui beberapa negara sebelum menjadi produk akhir. Sebarang sekatan tarif akan mengganggu aliran ini dan menyebabkan kenaikan kos operasi," katanya.

Dalam hal ini, beliau menyarankan agar kerajaan terus mempelbagaikan pasaran dagangan, mengurangkan kerenah birokrasi, serta memperhebat latihan dan pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) agar mereka lebih berdaya saing di peringkat

global.

Afzanizam juga melihat konflik perdagangan ini sebagai peluang untuk mempercepatkan penstrukturan semula ekonomi negara, dengan memberi tumpuan kepada pelaburan strategik dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

"Ini masanya untuk menyemak semula perbelanjaan kerajaan. Contohnya, subsidi bahan api perlu distrukturkan semula kerana lebih banyak menguntungkan golongan berpendapatan tinggi dan warga asing," katanya sambil menegaskan keperluan setiap perbelanjaan kerajaan dinilai dari segi pulangan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Mengulas jangkaan kerjasama serantau, Afzanizam berpandangan bahawa isu tarif ini wajar dibawa ke peringkat ASEAN bagi mendapatkan rundingan kolektif yang lebih kukuh dengan AS.

"ASEAN sebagai blok perdagangan perlu menyuarakan kebimbangan bersama. Suara kolektif mampu memberi tekanan diplomatik lebih efektif kepada Washington," tegas beliau.

Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia kini berada pada landasan yang strategik untuk menghadapi cabaran global ini.

Namun menurutnya langkah proaktif dan reformasi struktur perlu disegerakan bagi memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan dan kompetitif dalam jangka panjang.




AFZANIZAM

TARIF TRUMP

Negara-Negara ASEAN

Amerika Syarikat (AS) umum pelaksanaan dasar tarif timbal balik ke atas import.
Perdagangan dua hala antara Malaysia dan AS cecah RM324.9 bilion pada 2024.

Berikut senarai tarif timbal balik AS:



Teliti semula strategi operasi

PENGUNA harus bersedia untuk berbelanja secara lebih berhemah dan menyokong produk tempatan sebagai satu bentuk solidariti ekonomi.

Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), **Datuk Mohammad Sahar Mat Din** berkata dalam masa yang sama, sektor perniagaan pula perlu mengkaji semula strategi operasi mereka.

Ini katanya termasuk menilai kos pengeluaran dan meningkatkan nilai tambah kepada produk agar tidak terlalu terdedah kepada perubahan pasaran antarabangsa.

"DPIM menyeru agar lebih banyak perniagaan melabur dalam automasi dan digitalisasi untuk meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kebergantungan kepada pasaran eksport tunggal," jelasnya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut tentang kenaikan tarif import oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap Malaysia, beliau berkata, rakyat dan pengguna pastinya kluatir jika kesan tarif ini mendorong kepada peningkatan harga barangan atau

gangguan kepada rantai bekalan.

"DPIM berpandangan, ketelusan maklumat sangat penting dalam meredakan keresahan. Kerajaan perlu memperkukuh komunikasi berkenaan situasi sebenar dan langkah-langkah mitigasi yang sedang diambil.

"Antara cadangan kami ialah menubuhkan sebuah pasukan khas yang melibatkan wakil industri, badan bukan kerajaan (NGO) ekonomi dan agensi kerajaan bagi memantau kesan tarif ini secara berterusan serta mengemukakan penyelesaian bersasar," jelas beliau.

Tambahnya, kenaikan tarif ini adalah satu langkah yang membimbangkan kerana ia berpotensi menjelakkan daya saing eksport negara, khususnya bagi sektor-sektor tertentu seperti elektronik, getah dan minyak sawit.

"Ini bukan sahaja memberi

tekanan kepada pemain industri, malah turut memberi kesan kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam rantai bekalan eksport.

"Namun begitu, Malaysia mempunyai pelbagai alternatif pasaran dan rakan dagang strategik lain seperti China, Asia Barat, dan negara-negara ASEAN," katanya.

Tegas beliau, DPIM menyeru pemain industri mempergiatkan usaha pengukuhan pasaran serantau dan memperluas jaringan eksport ke pasaran yang lebih mesra dan stabil.

"Kerajaan juga perlu melihat semula struktur cukai dan insentif yang mampu mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tertentu, termasuk AS," katanya.

Beliau turut bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri,

bahawa Malaysia masih berada dalam kedudukan ekonomi yang kukuh.

"Negara mempunyai asas ekonomi yang pelbagai, lebihan dagangan yang positif dan kadar pengangguran yang terkawal. Malah, pelaburan langsung asing (FDI) juga masih menunjukkan trend yang sihat.

"Apa yang penting sekarang ialah langkah proaktif dan bersasar daripada semua pihak untuk memastikan kita kekal berdaya tahan. DPIM akan terus menyokong agenda pemulihan ekonomi yang inklusif dan mampan," tegas beliau.

Beliau turut menyokong langkah Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN untuk berunding bersama AS bagi mencari solusi menang-menang.

"Malaysia berada pada posisi yang strategik untuk membawa suara serantau dalam rundingan perdagangan yang adil dan seimbang.

"ASEAN merupakan blok ekonomi yang besar, dan kerjasama serantau adalah kunci dalam menghadapi tekanan global

seperti tarif dan proteksionisme.

"DPIM menyarankan agar rundingan ini juga mengambil kira aspek keusahawanan dan PKS agar suara mereka turut diangkat dalam proses perundingan," katanya.

Dalam perkembangan lain, DPIM komited memperkasakan ekonomi umat Islam melalui pendekatan lebih strategik, berstruktur dan lestari.

"Salah satu fokus utama membangunkan model Waqaf Korporat sebagai instrumen baharu dalam pengagihan dan pemerasaan ekonomi ummah.

"Aset-aset korporat milik umat Islam termasuk perniagaan, hartanah, dan pelaburan dapat diurus secara profesional dan dijadikan sebagai waqaf produktif yang memberikan pulangan berterusan kepada masyarakat.

"Ia bukan sahaja membantu membina ekuiti korporat umat Islam, malah memperluas peluang dalam pendidikan, kesihatan, perumahan dan sokongan keusahawanan," ujar beliau.



MOHAMMAD SAHAR

Masyarakat tidak perlu panik

PELUANG UNTUK BANGKIT

PENGUMUMAN tarif timbal balik Amerika Syarikat (AS) oleh Presiden Donald Trump menimbulkan kebimbangan kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi.

Sejak pengumuman pelaksanaan tarif timbal balik ke atas semua produk import, pasaran saham Asia menjunam dengan sangat ketara. Negara yang dikenakan tarif yang tinggi seperti China tidak berdiam diri apabila mereka membalas dengan tarif 125 peratus ke atas import barangan AS.

Perang tarif antara dua gergasi Amerika dan China ini menimbulkan kerisauan apabila berpotensi mencetuskan bencana kemanusiaan.

Ikuti temu bual wartawan Wilayahku, **SERIMAH SALLEHUDDIN** bersama Felo Penyelidik IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **DR MUHAMMAD AZWAN ABD RAHMAN** mengenai tarif timbal balik AS dan impaknya kepada negara.

Apakah Malaysia akan menerima kesan yang besar di atas tarif AS yang diumumkan Donald Trump baru-baru ini?

Sudah tentu, tetapi dengan syarat kita tidak melihatnya secara reduktif.

Kesan itu bukan mutlak atau bersifat linear. Sifat ekonomi Malaysia yang terbuka — khususnya bergantung kepada eksport barangan elektrik dan elektronik, produk berasaskan kelapa sawit dan getah menjadikan kita tidak kebal.

Namun begitu, kita harus memahami bahawa ekonomi bukan sekadar angka KDNK atau imbalan dagangan.

Ia juga mencerminkan kesejahteraan komuniti pekerja, keupayaan mobiliti kelas dan ketahanan sistem sokongan sosial.

Jadi, ini adalah masa untuk kita menyemak kembali struktur ekonomi negara. Kebergantungan kepada negara kuasa besar dalam eksport tanpa mempelbagaikan rakan dagang dan pasaran adalah satu ketempangan struktur yang kita warisi sejak era pasca kolonial.

Maka tarif ini, walaupun menyakitkan, membuka ruang untuk kita bangkit dengan susun atur baharu yang lebih berdikari dan adil.

Adakah masyarakat perlu panik dengan apa yang berlaku sekarang?

Tidak, panik adalah penyakit yang lebih bahaya daripada tarif itu sendiri. Penting untuk membezakan antara ketidakpastian dan ketidakupayaan.

Malaysia tidak lemah tetapi kita mungkin tidak cukup bersedia secara sistemik. Maka, ini masa untuk memperkuat institusi, menyusun komunikasi strategik dan memastikan setiap dasar ekonomi mengambil kira suara rakyat terbanyak.

Kita mesti mendidik masyarakat

untuk memahami bahawa dunia hari ini bukan seperti 30 tahun lalu. Krisis datang bukan hanya dari dalam, tetapi dari percaturan kuasa global yang semakin kompleks.

Masyarakat perlu diyakinkan bahawa negara ini ada pelan, ada daya tahan dan yang penting ada maruah.

Adakah pelaksanaan tarif itu juga sebenarnya petanda yang kita bakal berdepan dengan krisis ekonomi yang dahsyat?

Saya lebih cenderung melihatnya sebagai tanda amaran, bukan hukuman. Dunia sedang mengalami gelombang perubahan geopolitik yang luar biasa, kemunculan semula nasionalisme ekonomi, ketidakpastian iklim dan keretakan dalam sistem multilateralisme global.

Apabila AS memperkenalkan tarif, ia bukan sekadar dasar ekonomi, tetapi isyarat bahawa era globalisasi tanpa sempadan sudah berakhir.

Bagi Malaysia, risiko krisis besar wujud, tetapi bukan kerana tarif semata-mata. Krisis boleh berlaku jika kita gagal merespons secara struktur, terutama dari segi reformasi dasar, pelaburan dalam sektor domestik dan keberanian untuk keluar dari bayang-bayang ekonomi lama.

Jika kita melihat AS menangguhkan tarif selama tiga bulan kepada semua negara kecuali China, adakah 'perang perdagangan' ini berisiko mencetuskan masalah yang lebih besar?

Sudah tentu. Ini bukan lagi soal ekonomi. Ini soal geostrategi. Kita berada dalam era apa yang ahli teori pembangunan sebut sebagai peralihan hegemoni, di mana kuasa dominan dunia sedang tercabar dan mencari bentuk baharu dominasi.

China dan AS bukan sekadar bersaing dalam ekonomi, tetapi dalam menentukan naratif dan aturan dunia pasca globalisasi untuk mengumpul pemusatan (*centrality*).



Malaysia berada di persimpangan yang genting. Kita perlu berhati-hati agar tidak menjadi mangsa pertembungan dua gajah.

Dalam masa sama, ini ruang untuk menjadi pemain yang matang, membina kerangka dasar luar ekonomi yang lebih bebas, berprinsip dan tidak lagi terlalu bergantung kepada satu kutub kuasa sahaja.

Perdana Menteri menegaskan bahawa tarif ini tidak akan membawa Malaysia kepada kemelesetan. Bagaimana pula dengan pandangan Dr?

Saya menyambut kenyataan itu sebagai satu bentuk keyakinan politik yang perlu, namun saya juga percaya bahawa kenyataan ekonomi mesti disandarkan kepada fakta sosial.

Ya, kita masih punya enjin pertumbuhan domestik, sektor perkhidmatan, pelaburan infrastruktur strategik serta transformasi digital melalui Malaysia MADANI. Tetapi sistem kapitalisme dunia hari ini bersifat asimetrik. Negara-negara seperti kita berada di pinggir sistem, yang sering menjadi 'penyerap kejutan' apabila pusat mengalami krisis.

Jadi saya bersetuju dengan Perdana Menteri, tetapi dengan syarat kita tidak leka.

Kita perlu bertindak 'pre-emptively' dengan merancang secara inklusif, menapis dasar fiskal dengan bijak dan mempersiapkan jaringan keselamatan sosial yang benar-benar menyantuni rakyat marhaen.

Bagaimana pula dengan ekonomi Malaysia yang menyaksikan peningkatan tahun lalu? Adakah dengan tarif AS ini bakal menjejaskan ekonomi dan pendapatan negara?

Ya, risiko itu ada. Tahun lalu adalah tahun pemulihan, dengan pertumbuhan banyak disumbang oleh lonjakan permintaan global pasca pandemik. Tetapi asas struktur ekonomi masih rapuh.

Jika tarif ini mengurangkan permintaan eksport, maka pengilang akan mengecilkan operasi, pekerjaan mungkin terjejas dan pendapatan negara boleh menyusut. Ini bukan teori, ini pernah berlaku pada era krisis Asia 1997.

Namun jangan kita hanya melihat dari sisi gelap. Malaysia punya peluang memperkuat sektor ekonomi domestik, memperluas kerjasama dalam BRICS dan ASEAN, serta mengangkat ekonomi sosial yang kini menjadi wacana penting dalam pembangunan seimbang dan lestari.

Bagaimana pula dengan pergerakan mata wang? Adakah akan turut terjejas sama?

Pasti. Dalam dunia yang digerakkan oleh sentimen dan spekulasi, mata wang kecil seperti ringgit amat terdedah. Ia bergantung kepada faktor makro dan juga naratif politik domestik. Tetapi kita jangan hanya melihatnya sebagai kelemahan. Ini peluang untuk kita mendalami penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan serantau dan memperkuat integrasi kewangan ASEAN.

Dalam dimensi pembangunan, 'currency volatility' juga adalah cerminan bagaimana dunia masih dikongkong oleh hegemoni kewangan Barat. Maka perjuangan untuk kebebasan ekonomi sebenar perlu juga bermula dengan membina kuasa dalam sistem monetari sendiri.

Kita mungkin hanya melihat risiko pelaksanaan tarif AS, tetapi mungkin ada sudut positif yang kita tidak nampak daripadanya?

Benar sekali. Dalam konteks pembangunan selalu mengajar kita, krisis ialah peluang yang menyamar. Tarif ini, walaupun menyakitkan, memaksa kita menilai semula orientasi pembangunan negara.

Antara sisi positifnya adalah:

● **Pengukuhan pasaran domestik.** Usahawan tempatan diberi ruang untuk bernafas dan berkembang;

● **Diversifikasi perdagangan.** Kita bebas menjalin kerjasama strategik dengan Global South, Asia Barat dan Afrika;

● **Transformasi sektor PKS.** Tarif akan mendorong inovasi, penggunaan teknologi dan penciptaan nilai baharu;

● **Peningkatan kesedaran rakyat.** Masyarakat mungkin mula menilai semula kebergantungan kepada produk import dan memperkuat solidariti ekonomi lokal.

Kita sedang di hadapan titik perubahan sejarah. Sama ada kita memilih untuk hanya bertahan atau bangkit dengan naratif pembangunan baharu, itu pilihan kita. 

Tindakan sebar kebencian hancurkan masyarakat PERKUKUH DASAR ISLAM

SEBENARNYA agak berat tuduhan dilemparkan warganet apabila mendakwa kononnya negeri Pulau Pinang sedang 'diambil alih' oleh agama Kristian.

Mereka menuduh kononnya pemerintahan parti DAP di Pulau Mutiara itu telah membenarkan penyebaran Kristian secara senyap-senyap di mana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara kita.

Hal ini juga diungkit susulan Pulau Pinang dipimpin Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dari DAP yang sedang mengetuai kerajaan yang ditadbir Pakatan Harapan bersama Barisan Nasional.

Tuduhan ini secara tidak langsung menunjukkan seolah-olah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim 'membiarkan' perkara ini berlarutan.

Tampil membidas dakwaan tersebut, Anwar sedar cerita rekaan itu tersebar apabila ada yang menganggap pengaruh parti politik Cina merupakan ancaman kepada kerajaan.

"Ya ampun, saya orang Pulau Pinang. Kamu sebar dakwaan itu tetapi mengapa kamu tak timbulkan apa pula yang baik tentang mereka?"

"Ada orang jahat dalam kalangan Cina, Melayu dan India. Jadi apa? Pilih dan ikut orang baik selaras hati nurani dan nilai kita," katanya



ANWAR mengingatkan semua pihak supaya memperkukuh dasar Islam khususnya dalam pendidikan.

pada Dialog Tamadun Antarabangsa 2025 di Universiti Malaya, baru-baru ini.

Anwar juga beri peringatan bahawa menyebarkan kebencian terhadap mana-mana kaum akan menghancurkan masyarakat Malaysia yang majmuk.

"Kita gagal bukan kerana berkawan dengan orang bukan Melayu. Kita gagal kerana menyokong pemimpin rasuah," katanya.

Dalam masa yang sama,

masyarakat perlu ingat kembali bahawa Anwar amat memberi penekanan terhadap kepentingan memperkukuh dasar Islam khususnya dalam pendidikan dan beberapa ikhtiar kerajaan untuk membina kekuatan dalaman umat Islam.

Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah sebelum ini berkata perkara itu dinyatakan Perdana Menteri ketika meraikan kunjungan rombongan pondok dan madrasah

dari Kelantan di Pejabat Perdana Menteri.

"Perdana Menteri menghargai pandangan para tuan guru yang menyampaikan nasihat khususnya dalam soal pendidikan turath serta idea memperkasa peranan institusi pondok di Malaysia," katanya.

Tunku Nashrul berkata demikian pada taklimat harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang disiarkan secara langsung di Facebook Anwar Ibrahim dan Facebook PMO Malaysia, baru-baru ini.

"Selain (itu) titipan nasihat tuan guru terkait usaha memperteguh semangat memupuk kefahaman, kasih sayang, memadamkan kebencian dan sabar dalam gesaan agar penjelasan yang bersungguh-sungguh mengenai ikhtiar kerajaan MADANI kepada rakyat mengenai Islam disampaikan," katanya.

Tunku Nashrul menambah Perdana Menteri dan agamawan yang turut serta dalam perbincangan itu juga bersetuju, bahawa banyak perkara boleh disepakati khususnya dalam isu Islam, berbanding membesarkan perbezaan pendapat atau pandangan.

Jadi jelaslah bahawa Anwar sangat menekankan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat, mana mungkin beliau membenarkan Kristian mengambil alih Pulau Pinang.

Kerajaan jaga kebajikan pesawah

AKHIR-AKHIR ini tular kembali isu pesawah tidak dihargai dan diabaikan oleh kerajaan.

Menurut segelintir warganet, mereka mendakwa kononnya kerajaan lebih mengutamakan keuntungan yang dikaut oleh kartel berbanding menjaga kebajikan pesawah.

Mana tidaknya, pihak kartel industri sebelum ini telah mengaut keuntungan daripada manipulasi beras tempatan kepada beras import.

Pesawah yang hidup susah pula terpaksa menanggung beban akibat kos pengeluaran yang meningkat.

"Sebelum ini mereka telah mendapat untung yang besar dan sekarang mereka juga yang untung besar," dakwa salah seorang warganet.

Kepada warganet yang hanya tahu mengkritik dan mencari salah kerajaan, satu fakta yang perlu tahu adalah usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyelaras harga kawalan maksimum bagi benih padi sah (BPS) berkuat kuasa mulai 15 April lalu.

KPKM berkata ia adalah di bawah Insentif BPS bagi peringkat borong yang diselaraskan daripada RM54 kepada RM52 per kampit



KPKM telah menyelaras harga kawalan maksimum bagi benih padi sah (BPS).

20 kilogram (kg) manakala di peringkat runcit daripada RM58 kepada RM56 di Semenanjung.

Menurut kenyataan itu penyelaras harga kawalan maksimum bagi BPS di peringkat borong dan runcit dilaksanakan melalui sesi libat urus yang diadakan bersama pesawah dan pengeluar setelah mengambil kira pelbagai faktor antaranya kos pengeluaran BPS dan penyelaras harga lantai belian padi.

"Ia adalah sebahagian daripada usaha KPKM menjaga kebajikan pesawah agar mereka mendapat

benih padi berkualiti tinggi pada harga berpatutan.

"Ini bagi memastikan ketersediaan bekalan BPS yang berterusan di pasaran untuk keseimbangan ekosistem industri padi dan beras negara," jelas KPKM.

KPKM berkata semua pemborong dan peruncit BPS adalah diarah untuk menyelaras harga BPS di peringkat jualan masing-masing.

"Mana-mana pihak yang didapati memanipulasi bekalan dan harga BPS seperti enggan menjual, menyorok bekalan dan

mengenakan syarat pembelian atau menjual melebihi harga kawalan maksimum yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundangan-perundangan subsidi di bawahnya," tegasnya.

Terdahulu, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menyalurkan sepenuhnya bantuan khas sebanyak RM90 juta kepada KPKM, sebagai komitmen tidak berbelah bagi syarikat itu terhadap kebajikan pesawah di negara ini.

Bernas menekankan langkah itu selaras dengan janji syarikat untuk menyokong inisiatif kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup pesawah yang kurang berkemampuan dan memastikan keterjaminan makanan negara.

Dana tersebut yang keseluruhan disumbangkan oleh Bernas tanpa menggunakan dana awam, disalurkan menerusi dua fasa dengan fasa pertama sebanyak RM60 juta dibayar secara berperingkat manakala bayaran terakhir RM15 juta telah diselesaikan pada 5 Mac lepas.

Semua ini ternyata menjadi bukti bahawa kerajaan tidak pernah sesekali mengabaikan kebajikan para pesawah yang menjadi 'tulang belakang' dalam negara ini.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

18 - 20/4/25: MATTA Fair @ MITEC KL

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

17/5/25: The Music Run Kuala Lumpur 2025 @ Stadium Bukit Jalil

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

20/4/2025: PERKESO RUN & RIDE @ Dataran Wawasan Putrajaya

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



Berkarisma, pendekatan lembut tetapi tegas

TUN ABDULLAH DIPLOMAT TERULUNG

AZLAN ZAMBRY

PEMERGIAN Tun Abdullah Ahmad Badawi merupakan satu kehilangan besar buat negara, khususnya dalam bidang diplomasi, pentadbiran dan dasar pembangunan berteraskan nilai.

Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, **Tan Sri Rastam Mohd Isa** menyifatkan Allahyarham sebagai pemimpin berjiwa besar yang dekat dengan penjawat awam serta berkeupayaan membina hubungan antarabangsa melalui pendekatan sederhana namun berkesan.

"Saya mula mengenali Allahyarham sejak beliau menjadi Ketua Pengarah Belia. Ketika itu, saya baru bertugas dalam perkhidmatan awam dan sesekali berjumpanya di Kementerian kebudayaan Belia dan Sukan.

"Dari awal, pendekatan Allahyarham sangat mesra dan menyantuni setiap pegawai tanpa mengira pangkat," katanya ketika ditemui Wilayahku di Masjid Negara pada Selasa.

Mengimbas kenangan bersama Allahyarham yang lebih mesra dipanggil Pak Lah, Rastam berkata hubungan mereka terus terjalin ketika Tun dilantik sebagai Menteri Luar.

"Saya masih ingat, selepas saya pulang dari New York, saya ditugaskan ke Jakarta sebagai Duta Besar. Tun yang memberi amanah itu sendiri, katanya 'pergilah ke Jakarta dan bantu kita uruskan pembinaan bangunan Kedutaan Besar yang baharu'.

"Sepanjang saya berkhidmat di luar negara termasuk di Pakistan, Bosnia dan sekali lagi di New York, saya tetap berpeluang bertemu beliau dalam pelbagai forum antarabangsa seperti di

Bonn untuk membincangkan mengenai Pembangunan Bosnia selepas perang selain di London dan Jeddah.

"Ketika di Bosnia, kami sama-sama menyantuni rakyat selepas perang, satu pengalaman yang cukup bermakna," katanya.

Menurut beliau Allahyarham dikenali sebagai seorang yang mudah mesra, ingat nama pegawai walaupun hanya bertemu sekali dan amat menghargai sumbangan penjawat awam.

Malah, Pak Lah mempunyai pendekatan unik dalam berinteraksi – memanggil nama pendek setiap individu sebagai simbol keakraban dan kekeluargaan.

"Beliau hanya panggil saya 'Tam'. Kalau nama Muhammad, akan dipanggil 'Mat'. Itu cara beliau menunjukkannya dekat dengan orang bawahannya," katanya.

Selepas kembali ke tanah air dan dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar pada 2006, Rastam berpeluang bekerja lebih dekat dengan Tun yang ketika itu menjadi Perdana Menteri.

"Saya berkesempatan mengiringi beliau dalam banyak lawatan rasmi ke luar negara – ke Rusia, Itali dan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Jeddah.

"Tun bukan sahaja disegani malah dikagumi oleh rakan sejawat di peringkat antarabangsa kerana pendekatan yang tenang tetapi jelas dan berprinsip," katanya.

Menurut Rastam sewaktu Malaysia mengambil pendirian tegas dalam isu-isu antarabangsa

semasa era pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, Pak Lah menjadi suara yang membawa pendekatan diplomasi pintar, mencari rakan strategik dan membina pengaruh melalui dialog.

"Allahyarham bukan sahaja mewakili suara Malaysia, malah mewakili kepentingan Dunia Ketiga dengan penuh bijaksana.

"Kehadiran beliau di mesyuarat dan forum memberikan kesan positif dalam setiap perbincangan, sekali gus menunjukkan kepimpinan beliau amat dirasai," katanya.


Pendekatan Pak Lah terhadap dasar luar negara pula amat strategik.

Beliau membawa suara Dunia Ketiga ke pentas antarabangsa dengan penuh diplomasi dan hormat, khususnya dalam memperjuangkan isu-isu Palestin, keamanan antarabangsa dan ketidaksamarataan global.

"Semasa saya bertugas di New York, saya lihat sendiri bagaimana beliau berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin dunia ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA). Beliau ada karisma tersendiri – lembut, tetapi tegas. Berbincang secara *first-name basis* dengan menteri-menteri luar menjadikan beliau dihormati dan disayangi," katanya.

Menurut Rastam, keperibadian Tun Abdullah yang bersederhana, tidak memburu populariti, tetapi tetap tegas dan jelas dalam keputusan menjadikan beliau ikon kepimpinan yang sukar dicari ganti.

"Kami di Wisma Putra rasa sangat tenang dan dihargai sepanjang beliau menjadi Menteri Luar dan kemudiannya Perdana Menteri. Pemergian beliau adalah satu kehilangan yang bukan



hanya dirasai rakyat, tetapi juga dunia diplomasi dan perkhidmatan awam," katanya.

Perdana Menteri kelima itu turut mempamerkan kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan dengan memperkenalkan pembaharuan dalam bentuk dasar-dasar progresif yang memberi impak besar kepada negara.

Ini termasuk memperkenalkan Islam Hadhari yang bukan sahaja membawa pendekatan Islam yang seimbang dan progresif, malah diterima baik di dalam dan luar negara. Ia membentuk naratif Malaysia sebagai negara Islam sederhana dan moden.

Dalam pentadbiran domestik, Allahyarham juga melaksanakan pembangunan koridor ekonomi seperti NCER, ECER, SCORE dan Iskandar Malaysia yang merangsang pembangunan wilayah secara bersepadu dan mampan.

Beliau juga melakukan penstrukturan besar apabila menaik taraf Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memperkukuh institusi integriti negara dan memberikan kuasa lebih jelas serta bebas kepada badan pencegahan rasuah.

Tun Abdullah meletakkan

jawatan secara terhormat pada 2009 selepas lima tahun menerajui negara, satu tindakan yang disifatkan ramai sebagai lambang keikhlasan dan kesediaan meletakkan kepentingan negara mengatasi diri sendiri.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada Isnin lalu pada usia 85 tahun dan disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Turut berangkat menziarahi dan memberikan penghormatan terakhir adalah Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Hadir sama Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam; Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Mohd Fuzi Abdul Razak; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Musa Aman dan Menteri Kanan Singapura yang juga bekas Perdana Menteri, Lee Hsien Loong.

Ucapan takziah daripada pemimpin dunia seperti Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong dan Raja Salman dari Arab Saudi menyerlahkan pengaruh Pak Lah di arena antarabangsa.

Beliau dikenang sebagai pemimpin Islam sederhana yang mempromosikan keharmonian, toleransi dan persefahaman antara bangsa dan agama. 



Dilengkapi amphiteater, berfungsi sebagai pentas komuniti terbuka

LANAI PERKASA RUANG AWAM

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan Dataran Lanai Seni yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman, sebagai sebahagian daripada usaha memperkasa ruang awam berkonsepkan bandar lestari di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata, dataran tersebut dibangunkan sebagai ruang santai awam yang mesra pengguna, selain menjadi platform terbuka bagi aktiviti seni dan kebudayaan masyarakat.

"Dataran Lanai Seni dibina

dengan konsep Urban Oasis yang menampilkan elemen kehijauan, elemen air dan pencapaian dinamik bertemakan *play of light*.

"Ia bukan sahaja memperindah kawasan sekitar, malah berfungsi sebagai pentas komuniti melalui pembinaan amphitheatre terbuka," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian di sini, pada Selasa.

Hadir sama Pengarah Eksekutif (Sosio Ekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin dan Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek), Mohamad Hamim.

Dataran ini terletak dalam kawasan Presint Andalan 10 Warisan

KL, yang dikenali sebagai pusat fesyen dan tekstil Kuala Lumpur.

Ia turut dihubungkan dengan koridor hijau Green Connector, yang menghubungkan laluan dari Jalan Palestin hingga ke bangunan Jakel, bagi memudahkan pergerakan pejalan kaki dan komuniti setempat.

Tambah Maimunah antara elemen inovatif yang diketengahkan dalam projek ini ialah struktur Solar Tree yang dilengkapi enam panel solar fotovoltaik (PV), mampu menjana sehingga 2,400 watt tenaga elektrik.

"Ia dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak

1,752 kilogram karbon dioksida (CO2) setiap tahun, bersamaan penanaman kira-kira 83 pokok matang setahun.

"Pembangunan ini menyumbang kepada sasaran jangka panjang bandar raya melalui pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040, Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030, dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050," katanya.

Inisiatif ini juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan) serta SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan),

bagi menjadikan Kuala Lumpur lebih mesra alam dan berdaya tahan.

Beliau turut menyeru orang ramai agar sama-sama memelihara dan menghargai dataran tersebut sebagai ruang komuniti yang penting untuk kesejahteraan bandar.

Dengan pelbagai ciri mesra pengguna dan pendekatan berasaskan kelestarian, Dataran Lanai Seni dijangka menjadi salah satu lokasi tumpuan baharu dan ikon landskap bandar yang menyumbang kepada pembangunan Kuala Lumpur sebagai bandar raya mampan dan berdaya huni. 

DBKL, JIM terus banteras warga asing

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Imigresen (JIM) menggempur aktiviti penjaja haram melibatkan warga asing dalam operasi bersepadu di Lorong Haji Taib 4, Chow Kit dan Jalan Berangan, Bukit Bintang, pada Selasa.

Operasi berkenaan dijalankan hasil risikan serta pemantauan rapi oleh pasukan penguat kuasa yang mengenal pasti kegiatan perniagaan tanpa lesen oleh warga asing di kawasan tumpuan pelancong dan penduduk setempat itu.

DBKL memaklumkan sebanyak 15 kes sitaan dilaksanakan serta-merta di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Perlesenan Penjaja (WPKL) 2016, membabitkan 13 penjaja warga asing dan dua lagi penjaja tempatan.

DBKL turut mengeluarkan dua notis tawaran kompaun terhadap pemilik premis yang dikesan menggajikan warga asing tanpa


kebenaran sah, mengikut UUK Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.

Sementara itu, Jabatan Imigresen menahan 41 individu warga asing terdiri daripada 30 lelaki dan 11 wanita untuk tindakan lanjut menghubungkan dokumentasi dan pengesahan status di Ibu Pejabat Imigresen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Semua barangan perniagaan yang disita dalam operasi itu telah dibawa ke Setor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan dokumentasi dan rekod.

Menurut DBKL pihaknya akan meneruskan tindakan penguatkuasaan secara berkala di lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai 'hotspot' aktiviti penjaja haram warga asing.

Orang ramai disarankan untuk menyalurkan aduan dan maklumat melalui portal rasmi DBKL di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>. 



TINDAKAN agresif DBKL dan JIM dapat menghapuskan aktiviti penjaja haram yang dilakukan warga asing.

Sokong usaha berterusan KKM jalani hidup sihat

TEKAD ATASI MASALAH OBESITI

SERIMAH SALLEHUDDIN

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** akan memulakan langkah mencegah masalah obesiti kebangsaan bermula di peringkat agensi kerajaan khususnya di Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata demikian sebagai menyokong usaha berterusan Kementerian Kesihatan (KKM) menggalakkan masyarakat menjalani hidup sihat selari dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Ini berikutan hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menunjukkan trend membimbangkan dengan 54.5 peratus rakyat mengalami masalah berat badan berlebihan.

Justeru Zaliha bertekad untuk menurunkan kadar berkenaan kepada 50 peratus sehingga hujung tahun ini.

"Usaha menerapkan kehidupan sihat harus digerakkan secara

bersama dengan menggunakan pendekatan *whole of nation* dan komitmen daripada semua pihak.

"Justeru saya melihat kerjasama erat antara KKM dan PPj merupakan contoh kepada kerjasama agensi yang perlu diperkukuhkan dan diteruskan terutama membabitkan pembudayaan hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga Putrajaya.

"Sebagai menyahut ANMS, menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) kami membantu penurunan kadar obesiti bermula di agensi kerajaan sebelum diperluaskan kepada masyarakat keseluruhannya.

"Insya-Allah kita akan capai sasaran penurunan kepada 50 peratus hujung tahun ini," katanya ketika ditemui pada sambutan World Physical Activity Day (WoPAD) Peringkat Kebangsaan 2025 bersempena Car Free Day Putrajaya.

Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud dan Ketua Setiausaha KKM,

Datuk Seri Suriani Ahmad.

Kata Zaliha pihaknya amat berbesar hati apabila kementerian lain turut menunjukkan sokongan membantu menterjemahkan Bandar Sihat menerusi penganjuran pelbagai program.

Salah satu daripadanya sambutan WoPAD dan Car Free Day Putrajaya.

"WoPAD adalah inisiatif ke arah menjadikan Putrajaya bandar mampan dan sihat.

"Visi Wilayah Persekutuan sebagai C.H.A.S.E City atau Bandar C.H.A.S.E iaitu bandar bersih, sihat maju, selamat dan mesra alam kini hampir terlaksana dengan adanya aktiviti sebegini.

"Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada KKM yang sentiasa prihatin dan berganding bahu dan berharap aktiviti sebegini dapat meningkatkan kesedaran rakyat khususnya penduduk Putrajaya untuk mengubah dan mengubah tingkah laku ke arah pembudayaan hidup sihat," katanya. 



ZALIHA (tiga dari kiri) bersama Dzulkefly ketika hadir pada majlis sambutan World Physical Activity Day (WoPAD) Peringkat Kebangsaan 2025 bersempena dengan Car Free Day Putrajaya.

Pupuk pembelajaran sepanjang hayat

SELARAS dengan objektif penubuhannya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa memberi komitmen penuh dalam memperkasa generasi muda di Kuala Lumpur khususnya dalam pendidikan.

Justeru, YWP menjalin satu kerjasama bersama pihak Yayasan Hasanah dalam usaha memperkasa pendidikan dan komuniti khususnya untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan berprestasi rendah.

Menurut Pengurus Kanan YWP, **Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir**, kerjasama tersebut adalah untuk memberi akses kepada pendidikan tambahan berkualiti kepada pelajar yang tercicir atau berprestasi rendah, terutamanya dalam subjek teras seperti Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris dan Matematik.

"Selain itu, ia bagi memupuk semangat pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan komuniti berpendapatan rendah (B40)," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Ida berkata menerusi kerjasama ini, dua program utama akan diadakan iaitu Kelas Tuisyen SPM serta Kelas Pemulihan 3M.

"Antara program yang direncanakan adalah Kelas Tuisyen SPM untuk pelajar Tingkatan 5 yang lemah dalam bahasa Inggeris dan Matematik serta Kelas Pemulihan 3M untuk pelajar Tahun 2 dan Tahun 3



ANTARA pelajar yang mengikuti kelas tuisyen di PREPKOM PA Seri Tioman 1.

yang belum menguasai kemahiran asas Membaca, Menulis dan Mengira dalam Subjek Bahasa Melayu & Matematik.

"Ia dilaksanakan di 10 lokasi Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) di bawah seliaan YWP yang terletak di kawasan PPR/PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Dalam kerjasama ini, Yayasan Hasanah telah menyalurkan geran berjumlah RM498,000 bagi melaksanakan program tuisyen secara percuma dan YWP bertindak sebagai pelaksana program, dari aspek pengurusan, penyediaan fasilitator dan pemantauan aktiviti pembelajaran di lapangan," katanya.

Jelasnya menerusi kerjasama ini,

program-program yang diadakan menyasarkan pelajar SPM dari golongan B40 yang berprestasi rendah dan pelajar tahap rendah (Tahun 2 & 3) yang mempunyai kelemahan asas.

"Secara keseluruhannya seramai 150 orang pelajar Tingkatan 5 serta 150 orang pelajar Tahun 2 dan 3 mengikuti kelas tuisyen ini.

"Diharapkan program ini dapat menyuntik semangat dan keyakinan diri mereka dalam menghadapi peperiksaan dan cabaran masa depan.

"Kami juga berharap agensi kerajaan, dan syarikat swasta, akan turut sama menyokong dan bekerjasama dalam inisiatif sebegini," katanya. 

Latih generasi pemimpin baru

PROGRAM National Youth Leadership Training Course (NYLTC) anjuran Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) menjadi wadah dalam melatih generasi pemimpin baru.

Pengarahnya, **Zairin Adam Abdul Aziz** berkata NYLTC merupakan satu inisiatif dan platform latihan bertujuan untuk melahirkan generasi pemimpin muda yang berwibawa, berkemahiran tinggi, khususnya dalam kalangan ahli-ahli Pengakap, agar mereka bersedia mewakili Persekutuan Pengakap Malaysia dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa.

"Program ini juga menjadi platform awal dalam proses pemilihan delegasi Malaysia ke program serantau dan antarabangsa, termasuk Asia-Pacific Scout Youth Forum 2025 Kali Ke-11 yang akan berlangsung di Taiwan pada Oktober depan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Zairin Adam berkata NYLTC ini memberi tumpuan kepada persediaan peserta untuk menjadi ejen perubahan yang berfikir global namun mampu bertindak secara global.

"Kursus ini menyasarkan penyertaan Pengakap Kelana berumur antara 18 hingga 25 tahun dari seluruh negara yang telah dikenal pasti untuk mewakili PPM Negeri masing-masing.

"Ia juga menyahut seruan

Gerakan Pengakap Sedunia bagi memperkukuh penglibatan muda-remaja dalam proses membuat keputusan dan kepimpinan organisasi," katanya.

Tambahnya NYLTC akan menampilkan fasilitator berpengalaman dari dalam dan luar negara, termasuk wakil daripada World Scout Bureau, yang akan memberikan panduan, bimbingan serta input berkualiti dalam penilaian dan pembangunan peserta.

Berkongsi lanjut, Zairin Adam berkata setakat ini, seramai 53 peserta telah mendaftar, dan mereka bakal mengikuti pelbagai sesi interaktif merangkumi pembinaan jati diri, kepimpinan advokasi, pengurusan projek komuniti, penjenamaan diri serta pelaksanaan inisiatif berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menjelang tahun 2030.

"PPM turut mengalu-alukan penglibatan rakan strategik dan tenaga profesional dalam menjayakan kursus ini, demi melahirkan pemimpin belia yang bukan sahaja aktif dalam pergerakan Pengakap, malah bersedia mengangkat suara generasi baharu ke peringkat global," katanya.

Buat julung kalinya, PPM menganjurkan National Youth Leadership Training Course dari 17 hingga 20 April 2025 di Ibu Pejabat Kebangsaan PPM, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur. 



Bil 309 . 18 - 24 APRIL 2025

PEROSAK INSTITUSI KEKELUARGAAN

►►10-11

GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK MEMBIMBANGKAN

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

HARAPKAN pegar, pegar makan padi. Perumpamaan itu menggambarkan jenayah sumbang mahram yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Sumbang mahram boleh didefinisikan sebagai pencabulan seks yang berlaku dalam kalangan anggota keluarga di mana perkahwinan sesama sendiri ditegah atau dari konteks Islam disebut muhrim atau mahram.

Data Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2023 menunjukkan jenayah seksual melibatkan mangsa berusia 18 tahun ke bawah atau kanak-kanak meningkat setiap tahun bagi tempoh 2020 hingga 2022 dengan jumlah keseluruhan 4,570 kes.

Ia antaranya membabitkan rogol, sumbang mahram, seks luar tabii, cabul kehormatan dan gangguan seksual.

Menurut Menteri Pembangunan



UMMU ATIYAH

Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri kes gangguan seksual melibatkan k a n a k - k a n a k menunjukkan trend membimbangkan dan jumlah tersebut b a g a i m a n a p u n disifatkan sebagai tidak menggambarkan keadaan sebenar

dalam negara kerana yakin terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan.

Baru-baru ini negara dikejutkan dengan laporan mengenai kes seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang didakwa menghamilkan sepupunya yang berusia 15 tahun di Kelantan dan pendedahan menggemparkan itu dibuat oleh Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat.

Dalam sidang media tersebut, beliau turut memaklumkan kes sumbang mahram di Kelantan semakin membimbangkan dan

saban tahun kejadian rogol bawah umur juga berlaku kerana suka sama suka dan bukannya paksaan.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), **Profesor Madya Dr Ummu Atiyah Ahmad Zakuan** berkata kesan terhadap kanak-kanak yang terlibat dalam perbuatan sumbang mahram adalah kompleks dan boleh memberi impak jangka panjang terhadap perkembangan psikososial, emosi dan moral mereka.

“Antara kesan utama adalah mereka boleh mengalami kekeliruan moral dan identiti diri kerana tidak memahami batasan moral dan undang-undang yang wujud dalam hubungan kekeluargaan. Kanak-kanak yang terlibat mungkin terdedah kepada persekitaran yang normalisasi perbuatan tersebut sama ada melalui pengaruh bahan lucah, ketiadaan didikan agama atau kurang pengawasan.

“Hal ini menyebabkan mereka membesar dengan kekeliruan tentang nilai betul dan salah serta tidak memahami kesan serius perbuatan mereka terhadap mangsa dan diri sendiri.

“Selain itu, mereka boleh mengalami trauma dan tekanan emosi serta gangguan perkembangan sosial dan psikologi kerana terlibat dalam tingkah laku seksual yang tidak sesuai pada usia muda selain mengganggu proses perkembangan semula jadi kanak-kanak.

“Mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk membina hubungan sihat dengan rakan sebaya, mengalami masalah disiplin di sekolah, atau menunjukkan tingkah laku agresif atau menyendiri,” katanya kepada Wilayahku.

Ummu Atiyah berkata perlakuan sumbang mahram turut memberi kesan terhadap golongan dewasa seperti trauma psikologi dan emosi; konflik dalaman sehingga mencetuskan ketidakseimbangan emosi yang serius; kesukaran mewujudkan hubungan yang sihat serta sukar untuk membina kepercayaan terhadap individu lain.

“Selain itu, terdapat risiko pengulangan corak kitaran penderaan sekiranya mangsa tidak menerima bantuan psikologi sebaiknya di mana terdapat kemungkinan mereka membenarkan perkara sama berlaku kepada anak-anak mereka. “Seterusnya seperti diketahui, perbuatan sumbang mahram akan menghancurkan institusi kekeluargaan,” tegasnya.

Beliau memberitahu ia boleh



menyebabkan perpecahan keluarga, kehilangan kepercayaan, permusuhan dalam kalangan ahli keluarga, dan anak-anak membesar dalam persekitaran yang tidak sihat. Kesan ini katanya bukan sahaja kepada mangsa dewasa tetapi juga mangsa kanak-kanak.

“Sumbang mahram menghancurkan asas institusi keluarga itu,” katanya yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Gabungan Wanita Negeri Kedah (WANIDA).

Ummu Atiyah berkata terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada sumbang mahram antaranya kurang pendidikan, kefahaman dan penghayatan moral dan agama di mana jika diteliti kebanyakan kes melibatkan bapa kandung, bapa tiri, abang kandung, abang tiri, datuk atau bapa saudara sebagai pelaku terhadap anak, adik, anak saudara atau cucu sendiri.

“Sepatutnya mereka memainkan peranan sebagai pelindung, namun sebaliknya menjadi pemangsa dan lebih membimbangkan, ada yang beranggapan mangsa adalah ‘hak’ mereka dan tidak melihat perbuatan itu sebagai satu dosa atau kesalahan besar.

“Selain itu, masih terdapat segelintir wanita (ibu) yang sanggup menggadaikan anak sendiri semata-mata untuk mengekalkan rumah tangga mereka, contohnya kerana tidak mampu memenuhi keperluan seksual suami akibat faktor kesihatan atau umur, mereka rela membiarkan anak menjadi mangsa

daripada membiarkan suami berkahwin lain atau ditinggalkan,” katanya.

Jelasnya ini juga terkait rapat dengan struktur kuasa dalam keluarga.

“Dalam beberapa kes sumbang mahram, ibu membiarkan anak dimangsakan kerana bimbang kehilangan suami yang menjadi tempat bergantung, terutamanya dari segi kewangan. Kebergantungan ini akhirnya membolehkan pemangsa terus berkuasa dan mengulangi perbuatan terkutuk dalam keluarga tersebut.

“Seterusnya tekanan ekonomi menyebabkan sesetengah keluarga tidak mampu menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat. Rumah yang sempit dan tidak cukup bilik menyebabkan anak-anak terdedah kepada perkara yang tidak sepatutnya, seperti melihat hubungan kelamin ibu bapa, atau berkongsi tempat tidur tanpa privasi.

“Keadaan ini meningkatkan risiko berlakunya pencabulan atau gangguan seksual di dalam keluarga terutamanya kepada anak-anak yang sedang membesar dan mencapai usia baligh,” jelasnya.

Beliau berkata tidak dinafikan dengan kecanggihan teknologi kini membuatkan pemangsa mempunyai akses mudah kepada bahan pornografi yang secara tidak langsung menggalakkan hubungan seks dan memperlihatkannya sebagai sesuatu yang normal. 

JENAYAH SUMBANG MAHRAM

Umur Mangsa

Umur	2021	2022	2023	2024	Jumlah
Bawah 6 tahun	3	5	2	4	14
6 - 9 tahun	16	14	13	10	53
10 - 12 tahun	46	54	53	49	202
13 - 15 tahun	97	114	130	102	443
16 - 18 tahun	68	61	60	37	226
Atas 18 tahun	20	30	24	20	94
Jumlah Keseluruhan	250	278	282	222	1,032

Hubungan Pelaku Dengan Mangsa

Hubungan	2021	2022	2023	2024	Jumlah
Datuk	3	7	5	7	22
Datuk tiri	4	4	0	7	15
Datuk saudara	1	0	0	2	3
Bapa	87	76	86	54	303
Bapa tiri	65	80	96	56	297
Bapa saudara	50	46	35	33	164
Bapa saudara tiri	3	0	0	0	3
Bapa mentua	0	1	0	0	1

Umur Pelaku

Umur	2021	2022	2023	2024	Jumlah
10 - 12 tahun	0	0	4	2	6
13 - 15 tahun	5	11	21	8	45
16 - 18 tahun	8	18	19	16	61
Atas 18 tahun	256	250	243	195	944
Jumlah Keseluruhan	269	279	287	221	1,056

Tingkat didikan agama

GEJALA sumbang mahram yang semakin menular dalam masyarakat kini bukan sahaja satu jenayah di sisi undang-undang, malah merupakan dosa besar yang amat dikeji dalam Islam.

Menurut pendakwah bebas, **Amin Idris**, Islam menegaskan bahawa hubungan sumbang mahram adalah satu bentuk kerosakan moral yang meruntuhkan struktur kekeluargaan dan mendatangkan murka Allah SWT.

"Islam sangat menjaga keturunan (nasab) dan kehormatan insan. Hubungan antara mahram yang diharamkan dari sudut syarak seperti antara ayah dan anak, adik-beradik, bapa saudara dan anak saudara, jika dilanggar, ia tergolong dalam dosa zina yang paling berat.

"Allah SWT mengharamkan perbuatan ini secara jelas dalam Al-Quran. Dalam Surah An-Nisa', ayat 23, Allah menyebut dengan tegas tentang golongan mahram yang haram dikahwini. Ia bukan sahaja haram, malah merupakan jenayah moral yang amat menjijikkan.

"Pelaku bukan sahaja perlu dihukum di dunia, malah akan menerima azab yang amat pedih di akhirat kelak jika tidak bertaubat," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata punca utama kepada gejala ini sering berpunca daripada kelalaian dalam menjaga batas pergaulan dalam keluarga, kurangnya pendidikan agama serta pengaruh media yang tidak terkawal.

"Saya menyarankan agar ibu bapa memulakan amalan mengasingkan tempat tidur seawal usia tujuh tahun sebagai salah satu langkah penting dalam mencegah berlakunya sumbang mahram dalam kalangan keluarga," katanya.

Ia jelasnya selaras dengan ajaran Rasulullah SAW yang diriwayatkan



dalam hadis: "*Perintahkanlah anak-anak kamu supaya mengerjakan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika mereka enggan solat) ketika mereka berumur 10 tahun, dan asingkan tempat tidur mereka*". (Riwayat Abu Daud).

Amin memberitahu ibu bapa seharusnya menjadi contoh terbaik dalam mengamalkan nilai Islam di rumah.

"Didik anak dengan agama sejak kecil, tanamkan rasa malu dan hormat dalam diri mereka. Jangan anggap isu sumbang mahram ini jauh dari kita kerana ia boleh berlaku jika kita alpa," katanya.

Amin berkata didikan rohani seperti solat berjemaah, membaca Al-Quran bersama dan berbicara tentang dosa dan pahala mampu membentuk rasa takut kepada Allah dan malu untuk melakukan maksiat.


"Ibu bapa perlu peka terhadap

perubahan tingkah laku anak atau pasangan. Jangan biarkan anak terlalu rapat secara fizikal dengan mahram lelaki dewasa tanpa pengawasan, walaupun mereka ahli keluarga.

"Sesama ahli keluarga mahram pun, ada batas aurat yang mesti dijaga. Anak perempuan tidak sepatutnya berpakaian menjolok mata walaupun di rumah. Begitu juga dengan anak lelaki.

"Kawal cara gurauan yang berlebihan seperti peluk, cium, duduk atas paha atau baring bersama antara anak dan ayah serta abang bila anak sudah meningkat usia baligh. Begitu juga elak pakaian menjolok mata walau di dalam rumah. Paling kurang ada rasa malu kepada Allah dan malaikat. Batas pergaulan tetap perlu ada," katanya.

Beliau menegaskan bahawa pencegahan awal perlu bermula di rumah dan di sekolah. 



AMIN IDRIS

Persekitaran ruang rumah jadi punca

TANPA menafikan sumbang mahram turut berlaku dalam kalangan penduduk kelas atasan, namun tidak dinafikan kes tersebut kebanyakannya membabitkan keluarga yang mempunyai tahap ekonomi rendah.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Profesor Madya Dr Mohd Dino Khairri Shariffuddin** berkata keadaan rumah yang sempit seperti rumah setinggan di bandar dan estet di mana kekurangan bilik tidur mengundang kepada bahana sumbang mahram.

"Secara bukti dan data adalah



MOHD DINO

sukar untuk kita melabelkan sumbang mahram ini hanya berlaku dalam kalangan keluarga yang mempunyai tahap ekonomi rendah sahaja.

"Pernyataan ini adalah tidak bersifat adil.

"Namun demikian perkara ini mungkin berpunca daripada keluasan rumah, berapa jumlah bilik tidur, berapa jumlah tandas di rumah, keterbatasan pergaulan, ilmu-ilmu mengenai aurat dan juga ikatan keterbukaan perbincangan sesama ahli keluarga mendorong berlakunya perlakuan tersebut," katanya kepada Wilayahku.

Mohd Dino berkata tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi digital yang ada kini memudahkan anak-anak mengakses apa jua bahan lucah sekali gus menyumbang kepada peningkatan jenayah seksual atau sumbang mahram.

"Bagi pandangan saya, perkara yang berlaku tetap bermula dengan diri sendiri dan juga komitmen daripada pihak ibu bapa," katanya.

Justeru, Mohd Dino berkata sumbang mahram ini melibatkan tanggungjawab banyak pihak bukan sahaja ibu bapa tetapi diri sendiri, jiran tetangga, ketua kampung, institusi agama, sekolah dan pihak berkuasa.

"Setiap individu harus menjadi mata-mata terutamanya terhadap kanak-kanak di bawah umur," katanya. 

Kes Sumbang Mahram Di Malaysia

9 April 2025 - Dua remaja hamil selepas masing-masing melakukan perbuatan sumbang mahram dengan sepupu dan bapa saudara di lokasi berasingan di Kelantan.

Kes pertama dilaporkan berlaku melibatkan remaja berusia 15 tahun yang mengandung selepas melakukan perbuatan sumbang mahram dengan sepupunya yang berusia 11 tahun. Satu lagi kes melibatkan remaja berusia 13 tahun yang hamil hasil perhubungan dengan bapa saudaranya yang berusia dalam lingkungan 20-an. Kedua-dua kes sumbang mahram ini sama iaitu remaja perempuan mengajak saudara mereka untuk tidur bersama.

8 Januari 2025 - Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan melakukan sumbang mahram terhadap anak tirinya pada tahun 2019 dan 2024.

Lelaki berusia 45 tahun itu melakukan sumbang mahram terhadap anak perempuan tirinya berusia 16 dan 21 tahun ketika kejadian. Kesalahan berkenaan dilakukan pada pertengahan 2019, pertengahan November dan 6 Disember 2024 di dua lokasi berasingan iaitu di sebuah rumah di Tampin dan sebuah bilik sewa di Tampin. Bagaimanapun tertuduh mengaku tidak bersalah.

20 Disember 2024 - Seorang penoreh getah dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen Seremban selepas mengaku bersalah melakukan sumbang mahram dengan anak perempuannya berusia 11 tahun, pada 2019.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didapati melakukan sumbang mahram dengan anak perempuannya yang berusia 11 tahun ketika kejadian yang mana perhubungan tertuduh dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang untuk berkahwin dengannya.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 8 malam hingga 12 tengah malam antara Jun sehingga Disember 2019 di dalam bilik di sebuah rumah di Tampin.

4 Disember 2024 - Seorang pengawal keselamatan didakwa di atas dua pertuduhan melakukan sumbang mahram serta amang seksual terhadap anak perempuannya yang juga remaja bawah umur di Lengong, pada tahun 2023.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan persetubuhan dengan anak perempuannya yang ketika kejadian berumur 14 tahun empat bulan. Dia didakwa melakukan kesalahan itu di dalam bilik sebuah rumah di Kampung Lata Papan Kuak, dalam daerah Hulu Perak pada waktu petang, sekitar November 2023. Bagaimanapun tertuduh mengaku tidak bersalah.

Dalam prosiding sama, tertuduh mengaku tidak bersalah bagi pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anaknya itu dengan cara memegang payudara di lokasi sama pada April 2024.

23 Februari 2023 - Seorang remaja lelaki berusia 15 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di Jelebu, atas dua pertuduhan melakukan sumbang mahram terhadap adik kandung sehingga melahirkan anak.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap adik perempuannya berusia 14 tahun antara pukul 11 malam dan tengah malam di sebuah rumah, di Jempol antara 21 dan 30 Jun 2022 dan pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu antara pukul 11 malam dan tengah malam di kediaman sama, antara 1 dan 10 September 2022.

Bagi kedua-dua pertuduhan tersebut, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dihukum penjara antara 10 hingga 30 tahun dan sebatan. Mangsa melahirkan bayi pada 16 Februari di rumah keluarga mereka, dibantu oleh ibunya.

5 Januari 2023 - Seorang peniaga warung berusia 38 tahun dipenjara 15 tahun dan 19 sebatan oleh Mahkamah Sesyen selepas mengaku bersalah melakukan sumbang mahram dan seks luar tabii terhadap anak tirinya berusia 12 tahun sejak 2021.

Mengikut enam pertuduhan, tertuduh melakukan persetubuhan dengan anak tirinya yang kini berusia 14 tahun di dua lokasi di Jempol iaitu di Kampung Bagong Serting Ulu Batu Kikir dan di sebuah kedai warung di Serting Ulu Batu Kikir.

Kesalahan itu dilakukan antara pukul 8 malam hingga 2 pagi iaitu antara 1 Januari 2021 hingga 10 Disember 2022.


ASEAN
MALAYSIA 2025
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY
FINANCE TRACK

MALAYSIA
OPEN HOUSE
EXHIBITION
 @ ASEAN 2025

MALAYSIA OPEN HOUSE @ ASEAN 2025 MERIAH DI KLCC

SYUQREE DAIN

ORANG ramai tidak melepaskan peluang menghadiri Malaysia Open House Exhibition @ ASEAN 2025 yang berlangsung dari 7 hingga 10 April 2025 di Aras 3, Dewan 7A, 7B dan 7C, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pameran anjuran Kementerian Kewangan ini dibuka secara percuma kepada semua pengunjung dari pukul 9.30 pagi hingga 6 petang setiap hari, bertujuan memperkenalkan produk tempatan serta membuka ruang kerjaya kepada belia.

Lebih menarik, pameran ini menghimpunkan penyertaan pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan termasuk Jabatan Wilayah Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta institusi kewangan terkemuka di negara ini. Ia menjadi platform inklusif bagi rakyat memahami pencapaian negara dalam pelbagai

sektor melalui pendekatan yang interaktif dan informatif.

Tiga zon utama diperkenalkan dalam pameran ini, bermula dengan Zon Kebudayaan yang meraikan kekayaan warisan budaya Malaysia. Persembahan kebudayaan, pameran kraf tangan dan demonstrasi masakan tradisional disediakan bagi memberi pengalaman langsung kepada pengunjung tentang keunikan budaya tempatan.

Sementara itu, Zon Kewangan & Ekonomi memberi fokus kepada inovasi dan perkembangan sektor kewangan serta ekonomi Malaysia. Ceramah dan forum mengenai pelaburan, perancangan kewangan serta kemajuan industri kewangan serantau turut dijadualkan sepanjang pameran.

Tidak ketinggalan, Zon Belia menjadi tarikan utama bagi golongan muda yang ingin membina masa depan yang lebih cemerlang. Zon ini menyediakan pelbagai program seperti Program Graduan Kijang dan Speed Mentoring yang memberi peluang kepada belia untuk mendapat

bimbingan secara langsung daripada pakar industri, sekali gus memperkukuh jaringan profesional mereka.

Secara keseluruhannya, Malaysia Open House Exhibition @ ASEAN 2025 merupakan sebuah inisiatif yang bukan sahaja memperkenalkan keunikan Malaysia kepada masyarakat umum dan pelawat serantau, malah turut menjadi platform strategik untuk memperkasakan golongan belia. Pameran ini menyerlahkan komitmen kerajaan dalam memacu keterangkuman dan inovasi melalui penglibatan aktif pelbagai pihak, sekali gus menjadikan acara ini sebagai satu usaha holistik ke arah Malaysia yang lebih progresif dan berdaya saing di peringkat ASEAN.







Patahan Lantai Seni

Lokasi penuh magis Kuala Lumpur



Tempoh penangguhan 90 hari amat penting

BERUNDING SECARA BIJAK, PANTAS

COLLINS CHONG YEW KEAT

ASEAN secara bersendirian, masih tidak berupaya menjadi pengganti kepada kebergantungan ekonomi atau pasaran bagi mana-mana negara anggota secara individu. Itu adalah hakikat yang jelas.

Oleh itu ia tidak boleh menjadi satu-satunya sandaran kepada kapasiti *economic friendshoring* dan *economic diversification* semata-mata.

Ia juga tidak boleh berfungsi sebagai gabungan kekuatan ekonomi, pelaburan, rantaian bekalan dan pasaran yang boleh memberikan pengaruh rundingan yang lebih tinggi dengan Amerika Syarikat (AS).

AS merupakan ekonomi terkaya dan paling berkuasa di dunia, jauh mengatasi yang lain. Dunia memerlukan AS lebih daripada AS memerlukan dunia. Trump memahami hakikat ini, dan beliau satu-satunya pemimpin yang cukup berani menetapkan semula kesilapan dan ketidakadilan sistemik yang lepas.

Dunia, terutamanya China, telah mengambil kesempatan daripada sistem perdagangan sehingga merugikan AS, dan sebab itulah Trump perlu menghentikan kerugian ini sekarang.

Keperluan keselamatan dan jaminan pertahanan serta sandaran pasaran, ekonomi dan pelaburan Malaysia kekal menjurus kepada kapasiti dan kelebihan AS.

Ini menjadi fakta jelas untuk Malaysia dan ASEAN walaupun rantaian ini telah lama mengabaikannya akibat terperangkap dalam pendirian berkecuali status quo dan kebergantungan ekonomi terhadap kuasa ekonomi jirannya.

Jika pentadbiran Donald Trump di bawah nasihat strategik dan perancangan taktikal Peter Navarro, penasihat utama perdagangan dan ekonomi, mampu melaksanakan pelarasan tarif yang menyeluruh dan terperinci terhadap semua negara, dan menggandakan tekanan terhadap China dengan tarif balas terkini berjumlah 125%, apakah yang membuatkan Malaysia atau ASEAN berpendirian atau berfikir bahawa gabungan kekuatan ASEAN mampu mendesak Washington untuk menilai semula tarif itu?

Ini adalah logik asas dan cara kita memahami Trump serta sudut pandangannya dalam membetulkan ketidakadilan sistemik ini dan memastikan AS mendapatkan semula kekayaan yang telah hilang, amat penting supaya kita tidak terjebak dalam arus kemarahan global yang hanya akan mengundang kerugian.

China mahu melawan habis-habisan, tetapi Trump tetap dengan pendiriannya dan beliau tidak bertolak ansur dengan sesiapa yang cuba menekannya atau menekan AS dengan ugutan tarif balas, justeru tarif 125% akan berkuat kuasa serta-merta.

Seperti yang dinyatakan oleh Trump dalam hantaran terbarunya di laman X: "Berdasarkan kepada kekurangan rasa hormat yang ditunjukkan oleh China kepada pasaran dunia, saya menaikkan tarif kepada 125%. China akan menyedari bahawa zaman menindas AS dan negara-negara lain tidak lagi boleh diterima".

Adalah kesilapan strategik bagi Beijing bertindak balas, menyangka bahawa mereka akan menang dalam perang perdagangan dengan Washington. Ini tidak akan berlaku



di bawah Trump. Seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Akhbaranya, Karoline Leavitt: "Apabila Amerika diserang, Trump membalas dengan lebih keras".

Memahami hakikat sebenar situasi ekonomi dan geopolitik yang sedang berlaku adalah penting, AS masih merupakan pasaran dan ekonomi terbesar dunia.

Jika kita terus menjurus dalam anggapan bahawa pendekatan pendirian bersama ASEAN yang diperkukuh boleh memberi tekanan lebih tinggi ke atas Trump, atau cuba berpihak kepada China, BRICS atau bahkan sekutu AS seperti EU dan Jepun dalam menentang dasar Trump, kita sebenarnya tersilap besar.

Kita hanya akan menerima kesan balas dan dampak negatif daripada tindakan ini melalui langkah balas yang lebih keras daripada Trump, seperti yang berlaku terhadap China.

Untuk mengimbangi pendekatan kita dan melindungi kepentingan negara dan serantau, kita mesti berdepan realiti bahawa AS kekal sumber ekonomi, pasaran, perdagangan dan keselamatan yang paling penting kepada Malaysia dan ASEAN, seperti yang jelas dilihat daripada kesan tarif ini sendiri.

Walaupun terdapat pelbagai seruan dan harapan palsu yang kita cipta sendiri bahawa kita boleh dengan mudah beralih kepada RCEP, BRICS, ASEAN, China, Global South dan platform lain dalam sistem alternatif kepada AS, realitinya tidak begitu.

Realiti ini akan terus kekal dilihat apabila kebangkitan ekonomi Trump dan dasar *Make America Great Again* dan *Make America Wealthy Again* terlaksana sepenuhnya dalam masa terdekat ini, yang akan terus melebar jurang ekonomi dan ketenteraan antara AS dan pesaing terdekatnya termasuk China.

APA TINDAK BALAS SEPATUTNYA?

PERTAMA, bertindak pantas untuk berunding dan menawarkan pengurangan atau pemansuhan halangan bukan tarif. Walaupun Trump kini menyatakan bahawa akan ada tempoh 90 hari penangguhan tarif timbal balik dan pengenalan tarif standard 10% kepada semua negara kecuali China, kita mesti merebut peluang ini.

Tempoh 90 hari ini amat penting untuk memastikan kita kini sedar akan payung ekonomi, perdagangan dan keselamatan AS yang sangat mustahak, dan kita mesti terus menyelaraskan peralihan ekonomi dengan

potensi pertumbuhan pesat AS.

Kedua, laksanakan perjanjian 'sifar-untuk-sifar' tarif atau *zero-for-zero tariff* dan kurangkan juga halangan bukan tarif (*non-tariff barrier*) dan sekatan yang sedia ada, kerana hanya perdagangan yang adil akan dilihat sebagai niat sesuai dan positif oleh pentadbiran Trump.

Dalam jangka panjang, pulangan daripada pendekatan ini akan lebih bermanfaat dan berdaya tahan kepada kita di Malaysia dan negara lain. Peter Navarro juga menyatakan bahawa masalah dengan kebanyakan negara adalah mereka mempunyai kedua-dua halangan tarif dan bukan tarif, dan halangan bukan tarif adalah lebih tinggi yang dikenakan negara lain.

Ketiga, tawarkan kekuatan geopolitik terbaik kita dengan mendalami dan menyelaraskan lagi dengan matlamat keselamatan dan pertahanan ASEAN dan AS.

Dengan mencadangkan perjanjian tarif sifar dengan AS, ASEAN dan Malaysia akan memperoleh kemasukan bebas tarif ke pasaran pengguna terbesar di dunia. Ini bermakna eksport Malaysia seperti elektronik, minyak sawit, tekstil dan lain-lain boleh memasuki AS dengan tarif sifar, sekali gus meningkatkan permintaan dan menyokong pekerjaan dalam negara.

Skala besar pasaran AS (melebihi AS\$25 trilion KDNK) menawarkan peluang jauh melebihi pasaran serantau yang lebih kecil. Ini akan memberi akses yang lebih besar kepada firma AS ke pasaran ASEAN dengan 660 juta pengguna – satu situasi menang-menang yang dapat mengembangkan perdagangan dua hala.

Ini juga menyediakan mekanisme alternatif baharu bagi AS dalam usaha menyekat pengaruh ekonomi China. Keterbukaan ini bukan sahaja akan meningkatkan hasil eksport Malaysia, tetapi juga memastikan pelaburan kekal di negara kita.

Perjanjian sifar-untuk-sifar akan menjadikan Malaysia dan ASEAN lebih menarik untuk pelaburan langsung asing (FDI), khususnya dari syarikat AS yang mencari pangkalan pengeluaran yang stabil. Dengan penghapusan tarif, firma AS dalam pembuatan teknologi tinggi (semikonduktor, mesin, aeroangkasa) akan lebih mudah mengintegrasikan pembekal Malaysia ke dalam rantaian bekalan mereka.

Ini amat penting kerana syarikat-syarikat

sedang berusaha untuk mengurangkan pergantungan kepada China semasa perang perdagangan ini.

Perjanjian tarif sifar AS-Malaysia akan mengukuhkan peranan Malaysia sebagai hab utama dalam rantaian bekalan yang berdaya tahan, memastikan pengeluaran tidak terganggu oleh halangan perdagangan.

Perdagangan bebas dengan AS akan memudahkan pemindahan teknologi yang lebih besar. Syarikat AS membawa teknologi canggih, pengetahuan pengurusan dan budaya inovasi. Dalam bidang elektronik, telekomunikasi dan perkhidmatan digital, akses Malaysia kepada teknologi terkini AS akan ditingkatkan dengan hubungan perdagangan yang lebih rapat.

TERAS PERALIHAN EKONOMI MALAYSIA

AS masih kekal sebagai kuasa pelaburan yang terpenting dan terbesar kepada negara ini, dan merupakan pelabur berkualiti terbesar dengan jumlah RM32.8 bilion, membantu melonjakkan ekonomi pada suku kedua dan ketiga serta menjadikan ringgit sebagai antara mata wang terbaik Asia pada tahun lalu.

Aliran masuk bersih FDI AS pada 2022 adalah 43% daripada keseluruhan FDI Malaysia – melebihi gabungan enam negara seterusnya. Lebih 70% pelaburan baharu AS datang daripada syarikat Fortune 500.

Sehingga kini, perniagaan AS telah mewujudkan lebih 300,000 pekerjaan.

Kita memerlukan pemindahan teknologi sebenar yang berkualiti dan berdaya tahan jangka panjang, reformasi ekonomi berasaskan nilai, dan peralihan menyeluruh daripada ekonomi berasaskan *volume based extractive economy* dan *low-skilled workforce* kepada negara berpendapatan tinggi dan berkemahiran tinggi – satu matlamat yang belum tercapai di bawah strategi *friendshoring* pelbagai hala dengan BRICS, ASEAN mahupun Global South buat masa ini.

Kita tidak lagi boleh bergantung kepada sektor ekstraktif yang hanya mementingkan akses cepat dan murah kepada sumber dan modal luaran, tanpa pemindahan teknologi dan kemahiran bernilai tinggi, atau kebergantungan kepada pasaran luar sahaja.

Tanpa pendekatan jangka panjang yang berfokus kepada transformasi ekonomi berasaskan nilai dan kepercayaan, kita akan terus terperangkap dalam kepompong *middle income trap*.

Kita kerugian akibat daripada kebergantungan ekonomi terhadap sistem alternatif ini yang tidak terbukti dari segi potensi jangka panjang, serta kerugian akibat kehilangan peluang menyertai kebangkitan ekonomi baharu AS di bawah Trump.

Adalah penting untuk ekonomi bergantung kepada kerjasama holistik yang terbukti dalam sejarah, merangkumi jaminan kepercayaan perdagangan dan keselamatan, supaya dapat beroperasi dalam ekosistem yang aman dan selamat.

Daripada semua negara di dunia, hanya AS yang memenuhi semua kriteria ini. Oleh itu, demi kestabilan ekonomi dan perdagangan jangka panjang – bukan sahaja berdasarkan jumlah, tetapi juga kualiti kekayaan dan pertukaran pelaburan dua hala – Malaysia dan ASEAN perlu sedar bahawa adalah kesilapan strategik jika terus mengabaikan peranan dan kuasa berterusan AS.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PENGANALISIS STRATEGI, KESELAMATAN DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYA

Bermula gaji RM1,500 kini usahawan berjaya

ROZITA SIMBOL INSPIRASI SEMANGAT WANITA

AINI MAWAWI

BERMULA daripada sekecil-kecil bisnes kepek ayam kini siapa sangka beliau merupakan seorang usahawan yang memiliki *multi-million dollar business*. Ia merupakan satu pencapaian hebat yang berjaya dibuktikan oleh **Datuk Seri Rozita Ramelan**.

Memiliki pelbagai rangkaian perniagaan antaranya Kabinet Prive di Malaysia, Hong Kong dan Singapura yang menjual aksesori mewah dan mempunyai pelanggan tetap berprofil tinggi di merata dunia, beliau tidak pernah lokek berkongsi perjalanan hidup yang baginya cukup bermakna untuk dijadikan inspirasi terutamanya bagi golongan wanita.

"There is no shortcut to success as the struggles are real. Saya bermula dengan berniaga kepek ayam dan kerepek secara separuh masa ketika bekerja dengan Citibank Berhad. Waktu itu gaji pokok RM1,500 jadi itu sahaja cara yang saya tahu untuk menyara diri dan membantu keluarga.

"Gerai saya ketika itu di Cheras,

Manjalara dan Subang Jaya. Kemudian, saya mengusahakan agensi perundingan pelaburan bersama dua rakan lama dari Citibank. Daripada awal hingga hari ini, saya banyak menceburi bidang yang dimonopoli kaum lelaki namun saya lihat kejujuran dalam perniagaan membawa diri hingga ke tahap hari ini.

"People may like you but people will not do any business until they trust you. Daripada situ juga muncul kesungguhan. Bangkit dan belajar daripada kesalahan diri dan orang lain. Bagi saya wanita ialah ciptaan Allah yang istimewa, tangan yang menghayun buaian juga mampu menggegarkan dunia," ujar beliau kepada Wilayahku.

Bercerita lanjut mengenai perniagaan aksesori dan beg berjenama mewah yang diusahakan, Rozita berkata, sesetengah individu melihat beg tangan berjenama sebagai pelaburan namun ada juga yang menjadikannya koleksi peribadi.

"Walau apapun yang ditafsirkan mengikut pandangan tersendiri,

saya yakin sesiapa yang mahu pasti mampu memilikinya. Penggemar Hermes tahu pelaburan untuk memiliki tas idaman dan tempoh masa menunggu, untuk itu tidak hairanlah, harganya bukanlah ukuran paling utama. *In fact, to them, time is money,*" ujar beliau.

Untuk itu, Kabinet Prive ialah jalan penyelesaian singkat bagi mendapatkan koleksi yang sukar diperoleh di butik; daripada koleksi asas hinggalah ke edisi terhad yang hanya dikeluarkan satu sahaja di dunia.

"Selain itu, pelanggan Kabinet Prive tidak perlu menunggu berjam-jam di butik kerana khidmat *private concierge* kami akan menghantar tas tangan terus ke alamat yang diberi," kongsi beliau.

Mengakui setiap kejayaan yang dikecapi pasti ada cabaran tersendiri, Rozita berkata beliau belajar daripada setiap pengalaman yang berharga dalam hidup untuk dijadikan pengajaran pada masa-masa akan datang.

"Saya pernah gagal dalam menilai peribadi rakan kongsi.

Prestasi perniagaan boleh dilihat melalui angka di dalam audit. Tetapi jika melibatkan peribadi seseorang bagaimana pula?"

"Sukar untuk menilai sesuatu yang tidak dapat dilihat secara ketara. Saya bukan jenis orang yang cepat menilai, tetapi saya belajar daripada pengalaman yang menyakitkan," ujarnya yang pernah menerima anugerah Ikon Wanita, Asia Pacific Fast Moving Award untuk Kabinet Prive, dan The Best Cooking Ingredients di Asian Halal Brand Awards untuk produk keluaran beliau iaitu Rasa Rosz Sdn Bhd.

Selain memiliki perniagaan beg tangan mewah, beliau juga turut memiliki rangkaian syarikat pengeluaran produk makanan terkenal iaitu Rasa Rosz Sdn Bhd; syarikat perkapalan, Azimut Yachts Malaysia, syarikat pembinaan, Anjung Bintang Sdn Bhd, Restoran Rasa Rosz dan portal khas buat wanita, Ladybosz.



Kek moist bantu tingkat taraf hidup

KEKURANGAN modal dan kelengkapan, itu bukan penghalang atau mematahkan semangat seorang suri rumah untuk menghasilkan pencuci mulut aneka perisa bagi membantu meningkatkan taraf hidup keluarganya.

Ditambah dengan minat mendalam, ia antara resipi kejayaan **Maslina**, 30, yang tidak menyangka pencuci mulut kek moist dihasilkan secara kecil-kecilan dari bilik sewa kini menjadikan beliau sebagai seorang usahawan berjaya.

Menceritakan apa yang dilaluinya selama ini, katanya awal permulaan perniagaan adalah berdasarkan minat dalam pembuatan kek dan hanya mencuba untuk menjualnya kepada rakan dan ahli keluarga terdekat.

"Percubaan pertama itu mendapat sambutan memberangsangkan. Walaupun hasil jualan hanya nilai kecil namun ia memberikan semangat kepada saya waktu itu untuk terus mengorak langkah berjaya dalam perniagaan ini.

"Sejak itu, saya terus dapat tempahan tanpa henti dan menjadikannya sebagai jualan utama, khususnya pada musim perayaan dengan menerima tempahan lebih 200 biji kek pada satu-satu masa.

"Saya minat membuat kek. Saya



ANTARA kek buatan Maslina yang sering mendapat sambutan menggalakkan daripada pembeli.

cuba buat sendiri dengan kuantiti sedikit dan menjualnya kepada rakan. Syukur kerana mendapat maklum balas baik daripada mereka," katanya.

Maslina menambah bahawa bermula detik itu dia terus bersemangat untuk menjalankan perniagaan tersebut dari rumah.

Ketika itu katanya dia sekeluarga hanya mampu menyewa bilik.

"Di situ tempat saya membuat kek moist dengan serba kekurangan kerana tiada peti sejuk mahupun mesin pengadun.

"Pada waktu itu, dalam seminggu saya dapat satu hingga 10 biji

tempahan dan bila terima tempahan itu saya akan terus buat dan hantar kepada pelanggan," jelas ibu kepada dua cahaya mata itu sambil sebak mengenang kembali waktu permulaan menjalankan perniagaan dari bilik sewa pada 2018.

Maslina kini meraih pendapatan bulanan yang lumayan hasil perniagaan itu dan mampu melangkah keluar daripada kehidupan serba kekurangan kepada kehidupan lebih selesa.

Mesra dengan panggilan Kak Mas, katanya dalam menghasilkan kek moist, ia memerlukan teknik adunan yang mahir serta

menggunakan bahan-bahan berkualiti.

Jelasnya dengan pengalaman bekerja di sebuah kedai bakeri di Semenanjung, ia merupakan salah satu ilmu yang dipelajarinya dari awal sehingga mahir dan berjaya menghasilkan lebih sembilan jenis kek moist.

"Kek yang digemari pelanggan ialah kek coklat moist. Setiap hari sebanyak tiga hingga empat kilogram tepung digunakan untuk memenuhi tempahan pelanggan.

"Antara kek moist yang saya hasilkan ialah kek chocolate moist, chocolate cheese, red velvet, choco cheese indulgence, kek batik, vanilla cheese, keladi, pandan serta cheesekut nestum. Dari segi harga kek yang saya hasilkan adalah sekitar RM8 hingga RM65 mengikut saiz dan perisa selain mengikut permintaan pelanggan.

"Walaupun ketika ini harga barang khususnya barang pembuatan kek meningkat namun saya tetap menggunakan bahan-bahan berkualiti agar kek dihasilkan bermutu selain memenuhi cita rasa pelanggan," jelasnya yang kini memiliki sebuah kedai dan restoran tomyam.

Maslina memberitahu kini perniagaannya mampu menghasilkan jualan dalam anggaran kasar RM5,000 hingga



RM10,000 setiap bulan.

"Mungkin nilai itu kecil bagi usahawan lain, namun ia besar ertinya bagi peniaga kecil-kecilan seperti saya.

"Dengan hasil perniagaan kek ini saya mampu menampung perbelanjaan sekeluarga dan mengecapi kehidupan selesa berbanding dahulu," katanya.

Bercerita mengenai perancangan masa depan, Maslina berkata dia dan suami mahu mengembangkan lagi perniagaan kek dengan membuka kedai di beberapa lokasi dan meluaskan jualan ke Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung.

KU SEMAN KU HUSSAIN

PROJEK perumahan bertingkat atau flat di Kuala Lumpur bermula dengan Flat Kampung Kerinchi pada 1962. Salah satu sebabnya adalah pertambahan jumlah penduduk Kuala Lumpur selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Kuala Lumpur menjadi tumpuan warga yang datang dari seluruh negara untuk menikmati gelembung ekonomi di ibu kota.

Memanglah pada mulanya konsep kediaman bertingkat itu merupakan suatu yang amat asing berbanding kebiasaan didirikan dengan ketinggian satu atau dua tingkat sahaja. Walau bagaimanapun akhirnya ternyata memberikan lebih keselesaan terutama jika dibandingkan dengan rumah setinggan.



PENULIS BEBAS

Bertambahnya penduduk menjadikan kepadatan di Kuala Lumpur semakin tinggi. Tapak yang digunakan untuk mendirikan kediaman menjadi semakin kurang dan jalan keluarnya adalah mendirikan rumah bertingkat. Selepas Flat Kampung Kerinchi diikuti pula Flat Pudu dan Flat Pekeliling.

Sementara Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mula diwujudkan pada 1970-an. Warga Kuala Lumpur dan Lembah Klang sudah menerima konsep kediaman bertingkat sebagai gaya hidup baharu. Rumah bertingkat menggantikan kediaman yang dibina atas tanah termasuk rumah setinggan adalah jalan keluar daripada masalah tapak yang terhad.

Bayangkan sekiranya semua lantai rumah bertingkat yang ada di Kuala Lumpur ketika ini dihamparkan di atas tanah. Terlalu luas tapak yang perlu digunakan untuk menampung semua lantai yang bertingkat itu.

Bagi mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti, infrastruktur yang cekap tetap menjadi keutamaan. Namun disebabkan kekurangan tapak di kawasan bandar untuk didirikan sekolah telah menjadi faktor yang menghalang usaha menambah baik ruang kelas bagi meningkatkan kualiti pendidikan.

Apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengusulkan cadangan supaya didirikan sekolah bertingkat, hal itu bukanlah suatu yang pelik atau mustahil untuk dilakukan. Cadangan sekolah bertingkat itu adalah satu jalan keluar terbaik mengatasi kekurangan tanah untuk didirikan sekolah



CADANGAN pembinaan sekolah konsep menegak adalah bagi mengatasi masalah keluasan tanah yang terhad. - Gambar hiasan

CADANGAN SEKOLAH BERTINGKAT REALISTIK

biasa – paling tinggi empat tingkat.

Malah mendirikan sekolah yang ketinggian biasa dilihat sebagai 'membazir' tapak yang sebenarnya dari segi keupayaan boleh ditambah hingga 17 tingkat. Pada saiz tapak yang sama boleh didirikan ruang yang berkali ganda berbanding sekolah biasa.

Cadangan DBKL adalah suatu yang amat realistik untuk menempatkan sekolah di tengah-tengah petempatan masyarakat kota yang berkepadatan tinggi. Sekolah bertingkat diyakini menjadi satu gaya hidup seperti konsep kediaman bertingkat yang kini sudah menjadi satu yang lumrah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata cadangan membina sekolah bertingkat itu bagi memenuhi keperluan tanah terhad dan pertambahan penduduk yang pantas. Antara sekolah bertingkat dengan sekolah biasa tidak ada beza kecuali jumlah tingkatnya.

Lanjutan daripada cadangan sekolah bertingkat di Kuala Lumpur itu, Kementerian

Pendidikan (KPM) baru-baru ini mengumumkan projek rintis bermula di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pulau Pinang pada tahun ini. Ternyata sekolah bertingkat menjadi kenyataan tidak lama lagi sekali gus diikuti di bandar-bandar padat yang lain.

Projek rintis itu menunjukkan dunia pendidikan kita memasuki fasa baharu selari dengan tuntutan semasa – melepasi kepadatan penduduk dan keluasan tanah yang terhad. Sekolah adalah institusi penting dalam pembangunan masyarakat dan diyakini bergerak pada fasa baharu tanpa berdepan sebarang kekangan.

Dengan pertumbuhan penduduk yang pesat dan keperluan pendidikan yang semakin meningkat, Kuala Lumpur dan bandar besar lainnya berdepan cabaran dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang mencukupi.

Walaupun apa sekalipun keperluan pendidikan tetap menjadi keutamaan. Sekolah tetap didirikan di petempatan penduduk yang padat untuk memudahkan pelajar dan keluarga. Masalah kekurangan tanah untuk dijadikan tapak diatasi dengan konsep sekolah bertingkat.

Bagi mengatasi cabaran kepadatan pelajar sekolah di kawasan bandar besar, penting sekali untuk menyelaraskan perancangan pembangunan bandar supaya selari dengan keperluan pendidikan. Pertambahan sekolah baharu adalah jawapan pada peningkatan jumlah pelajar di sesebuah kawasan petempatan.

Langkah penyelesaian yang perlu diambil termasuklah merancang tapak bangunan sekolah dimanfaatkan secara bijak untuk memaksimumkan ruang yang ada. Disebabkan hal itu sekolah bertingkat hingga mencapai 17 tingkat misalnya adalah penyelesaian yang bijak.

Dengan keluasan tapak yang sama boleh menampung jumlah pelajar yang berkali-kali ganda banyaknya. Konsep bertingkat itu sudah terbukti dapat menyelesaikan masalah kepadatan penduduk dengan mendirikan kediaman bertingkat – bukan sahaja flat malah yang lebih mewah seperti kondominium.

Statistik menunjukkan terdapat 170 sekolah rendah dan 100 sekolah menengah (termasuk 10 sekolah menengah agama bantuan penuh kerajaan). Pecahan sekolah rendah adalah

120 sekolah kebangsaan, 40 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJJC) dan 10 sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Memang benar tidak semua sekolah di Kuala Lumpur terletak dalam kawasan yang berkepadatan tinggi ketika ini. Biarpun begitu dengan pertambahan perumahan baharu yang berkonsep kediaman bertingkat yang drastik menyumbang kepadatan tinggi dalam masa yang singkat.

Kepadatan pelajar sekolah di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur memberikan kesan yang kurang baik terhadap kualiti pendidikan. Antaranya jumlah pelajar yang terlalu besar dalam kelas yang boleh menjadikan pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan.

Salah satu kelebihan sekolah bertingkat adalah mampu menawarkan kelancaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan ruang kelas yang lebih luas, setiap pelajar lebih selesa dan mendapat peluang yang sama tanpa terjejas oleh faktor ruang yang sempit.

Penyediaan kemudahan pendidikan tambahan seperti makmal sains, perpustakaan dan tempat riadah juga boleh ditambah disebabkan ruang yang lebih luas sekalipun secara bertingkat.

Maka projek rintis sekolah bertingkat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pulau Pinang itu adalah kena pada masa dan tempatnya. Sekolah bertingkat adalah penyelesaian yang terbaik kerana tidak melibatkan perubahan pada sistem pendidikan sedia ada.


Walaupun projek ini memberikan pelbagai kelebihan, ia juga perlu diurus dengan teliti bagi memastikan hasil yang positif dapat dirasai oleh semua pihak terlibat. Reka bentuk yang mesra alam dan mampan antara perkara yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kejayaan projek sekolah bertingkat itu.

Pada masa yang sama sekolah bertingkat semestinya turut memberi kesan yang baik terhadap pembangunan kawasan bandar. Dengan menyediakan infrastruktur pendidikan yang moden dan cekap, sekolah bertingkat mesti dipastikan tidak menjejaskan kesejahteraan penduduk berdekatan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



ANWAR ketika menyambut kedatangan Xi Jinping yang dalam rangka lawatan ke Malaysia.

LANGKAH AWAL BERI MANFAAT

ZULKIFLI SULONG

SELEPAS lebih 10 tahun, Presiden China, Xi Jinping mengunjungi Malaysia baru-baru ini. Ia merupakan lawatan bersejarah buat Malaysia dan China.

Kunjungan Presiden Xi ke Malaysia sudah tentu mendapat perhatian dunia kerana China kini berdepan secara langsung dalam apa yang dikatakan perang tarif dengan Amerika Syarikat (AS).

Ketika China berperang tarif dengan Amerika,

tiba-tiba presidennya melawat Malaysia. Pengerusi ASEAN, sebuah pertubuhan serantau yang kini semakin berpengaruh.

Selain Malaysia, Presiden Xi juga melawat Vietnam dan Kemboja, dua negara yang teruk dikenakan tarif oleh AS.

Namun tidak sebagaimana China, AS memberikan tiga bulan lagi untuk melaksanakan tarif timbal balik yang dikenakan kepada negara-negara lain selain China.

Presiden China sudah tentu ada agendanya tersendiri ketika membuat keputusan melawat Malaysia. Namun bagi Malaysia, lawatan Presiden Xi sudah diatur lama sebelum perang tarif dengan AS berlaku.

Lawatan rasmi Xi ke Malaysia selama tiga hari bermula Selasa, 15 April hingga Khamis, 17 April, tiada kaitan dengan isu kenaikan tarif oleh AS.

Ia dijelaskan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, ketika ditanya mengenai lawatan ini.

Beliau berkata lawatan berkenaan sudah lama dirancang dan bukan satu kunjungan mengejut seperti yang dispekulasikan sesetengah pihak.

"Setiap lawatan pemimpin besar seperti ini tidak dibuat secara tergesa-gesa, sebaliknya ia disusun rapi beberapa bulan lebih awal.

"Lawatan ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan isu tarif yang timbul baru-baru ini.

"Ketika lawatan ini dirancang, kita tidak menjangkakan isu tarif akan menjadi topik hangat, maka jangan tafsirkan kunjungan ini dalam konteks yang tidak tepat," katanya.

Kenapa begitu? Ini adalah kerana Malaysia mempunyai pendekatan tersendiri dan tidak terikat dengan mana-mana kuasa dalam menentukan tindakan dan dasar luarnya.

Lihat cara Malaysia bertindak dalam menguruskan isu tarif dengan Amerika. Ia berbeza dengan China kerana kita tidak terikat dengan mana-mana kuasa besar.

Tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan untuk tidak tergesa-gesa mengambil tindakan balas terhadap pengumuman tarif oleh Presiden Donald Trump telah memberikan hasil yang baik.

Ini memberikan gambaran bahawa pemimpin Malaysia khususnya Perdana Menteri mempunyai *wisdom* dan kebolehan yang tinggi dalam menguruskan negara dan juga hubungan antarabangsa.

Baru-baru ini pentadbiran Trump mengumumkan Malaysia antara negara-negara yang akan dikenakan tarif asas 10% sahaja selama tiga bulan bersama negara-negara lain berbanding dengan China yang dikenakan tarif 104% sebagai tindak balas.

Perdana Menteri telah menghabiskan hampir satu hari penuh untuk berbincang dengan pelbagai pihak bagi membincangkan tindakan Trump mengenakan tarif tindak balas 24% ke atas Malaysia.

Ia berlaku sebaik sahaja Trump mengumumkan tarif itu.

Selain pegawai kanan kerajaan, Perdana Menteri juga berbincang dengan semua rakan sejawatnya dari negara-negara ASEAN bagi membolehkan tindakan bersama diambil.

Presiden Indonesia, Prabowo Subianto telah terbang ke Malaysia bagi berbincang secara langsung dengan Anwar tentang isu ini.

Hasil perbincangan itu, Malaysia memutuskan untuk terus berunding dengan AS bersama dengan negara-negara ASEAN lain.

Dalam pada itu, Menteri Pelaburan,

Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul mengumumkan Malaysia akan mencari rakan dagangan baharu untuk menjual barangan Malaysia selepas menghadapi masalah tarif dengan AS.

Kementerian dikemudinya menasaskan untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan New Zealand sebanyak 50 peratus dengan nilai anggaran berjumlah RM25.67 bilion menjelang 2030.

Tengku Zafrul berkata kerjasama antara Malaysia dan New Zealand sudah lama terjalin, diperkukuhkan lagi dengan taraf Perkongsian Strategik sejak 2023 dan lawatan Perdana Menteri New Zealand tahun lepas.

Sementara itu, langkah Malaysia mendapatkan pasaran baharu untuk eksport dialu-alukan oleh pemain industri kewangan dan ekonomi.

Mohd Yusri Yusof, rakyat Malaysia yang kini berkhidmat di Dubai dalam bidang kewangan Islam antarabangsa menyokong penuh langkah Malaysia untuk membentuk pakatan lebih mampan dengan negara-negara ASEAN.

"Talian hayat yang ada pada Malaysia adalah perdagangan di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dalam kalangan negara-negara ahli, ASEAN FTA dengan China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

"Juga Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dengan lima rakan ekonomi baharu itu termasuk New Zealand," kata Yusri.

Menurut beliau dalam masa terdekat New Zealand dilihat akan liberalisasikan kemasukan pakar tenikal dari luar bagi menjana peluang pekerjaan ekoran ekonomi mereka agak terkesan sebelum isu tarif lagi selari dengan apa yang dilakukan Kanada sekarang.

"Ekspatriat akan berbondong-bondong ke negara-negara ini tidak lama lagi," kata Yusri.

Jadi jelas, walaupun kita terima lawatan Presiden China, kita tidak terikat dengan China bahkan rakan dagang utama Malaysia adalah tetap AS.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Ramai tak peduli keselamatan

SEJUMLAH 61,317 notis pelbagai kesalahan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sepanjang tempoh Operasi Khas Hari Raya Aidilfitri 2025 yang bermula 24 Mac dan berakhir 9 April lalu.

Memetik Ketua Pengarah JPJ, Datuk Aedy Fadly Ramli, notis yang dikeluarkan itu adalah hasil pemeriksaan ke atas 287,802 kenderaan di 353 kawasan panas seluruh negara. Sebanyak 511 kenderaan disita.

Pihak JPJ juga menerima 6,687 aduan melalui Aplikasi MyJPJ berkaitan kesalahan lalu lintas sepanjang musim perayaan. Aduan ini hasil kerjasama orang awam yang mengambil gambar atau merakam video kesalahan di jalan raya dan menghantarnya melalui aplikasi berkenaan.

Kawan-kawan Kedai

Kopi melihat dari dua sudut berhubung jumlah pengeluaran saman yang banyak sepanjang operasi Aidilfitri. Pertama, ia menyerlahkan usaha bersungguh-sungguh JPJ menguatkuasakan undang-undang.

Kedua, masih terlalu ramai pengguna tidak mematuhi peraturan jalan raya. Sikap ini amat dikesali kerana apa juga peraturan dibuat adalah demi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Pelbagai kempen, operasi dan saman dikenakan kepada pengguna yang ingkar. Tetapi ramai seolah-olah tidak peduli, mengakibatkan banyak notis kesalahan dikeluarkan. Didiklah diri agar berdisiplin dan berhati-hati di jalan raya. Keselamatan adalah tanggungjawab bersama.

Pengguna puji khidmat TBG

MUDAH, selamat dan selesa. Itu kesimpulan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan Terminal Bersepadu Gombak (TBG) sejak ia mula beroperasi sebulan lalu.

Ternyata mereka kagum dan teruja dengan terminal tersebut yang dilengkapi pelbagai kemudahan serba moden untuk melancarkan urusan perjalanan menaiki bas ekspres ke pantai timur dan sebaliknya.

Penumpang yang hendak ke pantai timur atau dari sana tidak perlu lagi ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

Mereka berlepas atau tiba di TBG yang selesa dan mempunyai kemudahan berkonsep seperti pusat membeli-belah. Terdapat banyak kedai atau ruang niaga di samping kios pelbagai

jenis makanan untuk menjamu selera. Ruang parkir pula luas.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi faham kenapa orang ramai begitu gembira dengan TBG. Tambahan ia dihubungkan dengan sistem LRT. Apabila projek ECRL siap nanti ia akan dihubungkan pula dengan sistem tersebut.

Pendek kata, TBG terletak pada satu kawasan strategik sebagai pusat sehenti pengangkutan merangkumi bas ekspres ke pantai timur dan sebaliknya, ECRL dan LRT bagi pengangkutan bandar yang dihubungkan dengan rangkaian MRT dan monorel.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya dalam tempoh terdekat, TBG akan menjadi terminal tumpuan yang sibuk.



JAUHI **JUDI DALAM TALIAN**

JANGAN TERPEDAYA DENGAN JANJI
“WANG BESAR”

JUDI DALAM TALIAN ADALAH SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG
MALAH BOLEH MENYEBABKAN AKAUN ANDA DIBEKUKAN



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

KHAIRUL IDIN

BORNEO Flora Festival 2025 (BFF 2025) yang julung kali dianjurkan pada 26 hingga 30 Julai ini bakal mencetuskan satu anjakan kepada sosioekonomi penduduk Labuan khususnya dalam sektor pelancongan.

Menurut Pengarah Urusan Hotel Tiara Labuan, **Chai Tze Khee**, pihaknya menyambut baik penganjuran BFF 2025 yang menjadi salah satu festival berprestij dengan Labuan sebagai tuan rumah.

Pihaknya sentiasa memberikan kerjasama kepada kerajaan khususnya Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Labuan untuk bersama-sama menjayakan festival tersebut.

"Kami sebagai antara pemain industri perhotelan amat teruja dan menyambut baik dengan penganjuran ini kerana dapat menarik lebih ramai pengunjung luar ke Labuan.

"Jika sebelum ini kadar pengunjung luar ke Labuan agak kurang dan kita berharap dengan festival baharu ini sedikit sebanyak dapat menarik kedatangan mereka," katanya kepada Wilayahku.

Tze Khee berkata sebelum ini dua festival dan acara sukan terbesar yang dianjurkan di Labuan iaitu Borneo Arts Festival (BAF) dan Labuan International Sea Challenge (LISC) terbukti berjaya menarik ramai pengunjung luar.

Sudah tentu katanya ia memberikan kesan yang amat baik kepada ekonomi tempatan khususnya kepada sektor perhotelan dan sektor-sektor lain.

"Kita berharap penganjuran BFF pada Julai ini akan memberikan satu lembaran baharu kepada Labuan, bukan sahaja dari segi peningkatan dalam



TZE KHEE

Peluang ketengahkan sektor pelancongan

BFF 2025 ANJAKAN BAHARU EKONOMI



ZALIHA (enam dari kanan) ketika prapelancongan BFF 2025 di Labuan.

sosioekonomi malah sebagai satu anjakan menengahkan sektor pelancongan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Peniaga Kecil Pasar Sentral (PPKPS), **Asmadi Ahmad** menjelaskan penganjuran BFF 2025 merupakan satu usaha kerajaan menjadikan Labuan berdaya saing dalam sosioekonomi,

pelancongan dan tidak hanya berpaksikan kepada industri pusat kewangan pesisir pantai serta minyak dan gas semata-mata.

"Bagi saya idea yang dibawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa ke Labuan ini merupakan satu inisiatif yang perlu dipuji kerana dengan BFF 2025 ini sudah tentunya Labuan akan menjadi lokasi tumpuan pelancongan," katanya.

Dalam masa sama, syarikat pengendali Feri Ro-Ro Binabalu Sdn

Bhd memaklumkan sebarang tempahan jualan tiket secara dalam talian telah dibuka sejak Mac lalu bagi memberikan kemudahan kepada penumpang.

Pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama Perbadanan Labuan pada Mac lalu untuk bekerjasama bagi memastikan



ASMADI AHMAD

perkhidmatan pengangkutan utama itu berjalan lancar demi menjayakan penganjuran BFF 2025.

Terdahulu, BFF 2025 merupakan kesinambungan daripada penganjuran Royal Floria Putrajaya bertujuan untuk memartabatkan sektor pelancongan di Labuan.

Zaliha pada majlis prapelancongan BFF 2025 di Taman Rekreasi Kompleks Sukan Laut Antarabangsa, baru-baru ini menyatakan Labuan bakal menerima lebih 50,000 pengunjung luar dan ia akan memberikan impak positif kepada pelbagai sektor menerusi penganjuran festival berkenaan.

Katanya penganjuran secara berprestij itu merupakan cerminan hasrat Kerajaan MADANI untuk terus memacu sektor pelancongan di Labuan.

"Insya-Allah, festival ini akan menjadi salah satu daripada acara ikonik dalam kalendar pelancongan negara.

"Sebanyak 20 lokasi pameran taman dengan reka bentuk yang pelbagai dan kreatif dengan menengahkan sejumlah 200,000 spesies bunga dan tumbuhan Borneo yang memiliki pelbagai warna dan fungsi akan dipamerkan dalam BFF 2025," katanya.

Zaliha turut menyatakan jumlah pengunjung ke Labuan pada 2024 merekodkan peningkatan ketara iaitu 1.1 juta pengunjung bersamaan 15.7 peratus berbanding tahun sebelum hanya mencatatkan 950,000 pengunjung.

"Dengan rekod ini jelas menunjukkan perancangan yang kita laksanakan berada di landasan yang tepat untuk mengangkat martabat Labuan sebagai permata pelancongan negara. BFF ini akan dianjurkan secara dwitahunan dan akan menjadi satu *signature* festival kepada Labuan," katanya. 

Seiring visi bandar pintar

PELANCARAN Program Microsoft AI TEACH oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mampu memperkasa komuniti dengan perkembangan ilmu dan kemahiran kecerdasan buatan (AI) serta kecekapan pentadbiran dan operasi pengurusan bandar selari visi Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Mohd Sukuran Taib**, ia merupakan inisiatif penting dalam agenda digital negara.

Katanya program itu bukan sahaja melengkapkan komuniti dengan kemahiran AI tetapi selari dengan visi Wilayah Persekutuan Labuan dalam transformasi teknologi.

"Pelan Tindakan Bandar

Pintar Labuan 2030 dirancang untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan operasi pengurusan bandar menerusi integrasi teknologi digital seperti industri 4.0, Internet of Things (IoT) dan sebagainya.

"Dalam konteks ini, Program MCMC Microsoft AI TEACH secara tidak langsung memberikan akses kepada teknologi dan kemahiran digital yang relevan untuk ekonomi masa depan sekali gus meningkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja tempatan," katanya pada Program Microsoft AI TEACH di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Turut hadir Pengarah MCMC Wilayah Persekutuan, Faisal Hamdi Mohammed Ghouth dan Pengarah

UMSKAL, Profesor Madya Dr Mohamad Rizal Abdul Hamid.

Sukuran menjelaskan bahawa dengan adanya inisiatif itu ia mampu membantu pihaknya mencapai matlamat menjadikan Labuan sebagai pusat serantau yang kompetitif dengan ekonomi yang pelbagai dan mampan.

Katanya ia termasuk dari sudut komponen pengurusan bandar pintar, pusat inovasi dan teknologi serta program latihan dan pendidikan.

"Dengan pelaksanaan ini, Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030 akan membantu mempercepatkan peralihan ekonomi tempatan ke arah masa depan digital yang lebih kukuh dan kompetitif," katanya. 



MOHD SUKURAN (lima dari kiri) bersama peserta selepas pelancaran Microsoft AI TEACH di UMSKAL.

Putrajaya Active Park 2025

PROMOSI GAYA HIDUP SIHAT KOMUNITI

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) terus komited dalam mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjurkan pelbagai aktiviti rekreasi dan sukan. Salah satu inisiatif utama adalah Program Putrajaya Active Park (PAP) 2025 yang menawarkan pelbagai kemudahan dan program untuk komuniti setempat.

Program yang akan berlangsung pada 24 Mei bermula pada pukul 7.30 hingga 8.30 pagi bertempat di Taman Wetland Putrajaya itu diharapkan dapat mewujudkan suasana lebih inklusif, di mana setiap individu boleh mengambil bahagian dan menikmati

faedah kesihatan daripada pelbagai jenis senaman yang ditawarkan.

Ia menyediakan peluang kepada pengunjung untuk menyertai aktiviti senaman yang dapat meningkatkan kecergasan fizikal dan mental. Di samping itu, aktiviti ini dapat memberi ruang untuk beriadah sambil berkumpul dengan rakan dan keluarga, menjadikan pengalaman ini lebih bermakna dan menyeronokkan.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai PAP 2025, ikuti wawancara eksklusif wartawan Wilayahku, **SABRINA SABRE** bersama Presiden PPj, **DATUK FADLUN MAK UJUD**.

Apa matlamat dan objektif penganjurkan program ini?

Penganjurkan program ini merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh PPj untuk menyemai budaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Melalui inisiatif ini, diharapkan masyarakat dapat meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan gaya hidup aktif dan sihat, yang bukan sahaja melibatkan aktiviti fizikal tetapi juga amalan pemakanan seimbang serta kesejahteraan mental.

Dalam masa sama, PAP 2025 dijadikan platform strategik yang mengumpulkan pengamal aktiviti fizikal dan rangkaian mereka untuk membina hubungan yang lebih kukuh dengan pihak PPj.

Ia memberi peluang kepada semua pihak berbincang, bertukar idea dan membentuk kerjasama bermanfaat bagi memajukan lagi aktiviti sihat di Putrajaya. Dengan jaringan hubungan yang terjalin, PPj dapat menerima maklum balas serta cadangan konstruktif untuk memperbaiki dan meningkatkan program-program pada masa depan.

Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu yang menyertainya, tetapi komuniti melalui kerjasama antara pihak berkuasa, pengamal aktiviti dan masyarakat.

Apakah tarikan utama PAP 2025?

Tarikan utama bagi program ini adalah aktiviti senaman yang akan dilaksanakan dalam 10 siri, dengan setiap siri diadakan di taman-taman yang berbeza. Setiap siri bertujuan menggalakkan masyarakat tanpa mengira usia atau tahap kecergasan untuk menjadi lebih aktif secara fizikal.

Aktiviti senaman ini bukan sahaja membantu meningkatkan tahap kesihatan umum, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan mental dan sosial peserta.

Setiap siri senaman dalam program ini bertujuan untuk memberikan variasi, supaya peserta dapat memilih aktiviti yang sesuai dengan minat dan keperluan mereka.

Kelahiran menyediakan pelbagai jenis senaman adalah untuk menarik lebih ramai peserta dengan latar belakang yang berbeza, daripada mereka yang mencari senaman berintensiti tinggi hingga ke mereka yang lebih menyukai senaman ringan yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan mental dan fizikal.

Selain itu, aktiviti ini juga memberi peluang kepada peserta untuk mencuba sesuatu yang baru dan mengubah rutin senaman mereka supaya lebih menarik dan tidak membosankan.

Sasaran utama dalam program ini?

Program ini menyasarkan golongan remaja, belia dan komuniti Putrajaya untuk menggalakkan mereka mengamalkan gaya hidup sihat. Bagi golongan remaja, program

ini bertujuan untuk membentuk gaya hidup aktif dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan fizikal dan mental. Bagi golongan belia, ia adalah platform untuk mereka melakukan aktiviti senaman yang membantu mengurangkan stres serta meningkatkan kecergasan dan kesejahteraan emosi.

Program ini memberi peluang kepada masyarakat untuk membina hubungan sosial yang positif melalui aktiviti berkumpul.

Melalui penyertaan dalam aktiviti senaman dan rekreasi, diharapkan program ini dapat memperkukuh ikatan sosial antara anggota komuniti.

Respons daripada peserta, rakan kerjasama dan pihak berkaitan setelah dua siri yang lepas berlangsung?

Pihak PPj telah menerima sambutan yang sangat positif setelah dua siri pertama program ini dijalankan daripada pelbagai kumpulan yang menjalankan aktiviti senaman.

Mereka menunjukkan minat yang tinggi untuk mengadakan aktiviti serupa di taman-taman awam Putrajaya. Kejayaan program ini terbukti apabila Anjung Floria, yang menjadi lokasi kedua untuk aktiviti PAP habis ditempah setiap hujung minggu.

Berdasarkan sambutan yang menggalakkan ini, PPj mengambil langkah untuk memperkenalkan pakej khas bagi mana-mana kumpulan yang berminat untuk melaksanakan aktiviti senaman secara berkala di taman-taman Putrajaya.

Pakej ini bertujuan memudahkan penyelarasan dan perancangan aktiviti senaman lebih teratur, sambil memberi peluang kepada lebih banyak kumpulan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Dengan adanya pakej khas ini, pihak PPj berharap dapat menyokong lagi budaya hidup sihat dalam komuniti serta memastikan kemudahan awam di Putrajaya dimanfaatkan secara optimum oleh masyarakat.

Pesanan kepada orang ramai yang bercadang untuk menghadiri program ini?

Memandangkan aktiviti ini dijalankan secara *outdoor*, peserta digalakkan untuk memakai pakaian yang selesa dan sesuai.

Ini termasuklah baju yang ringan dan tidak menyerap haba serta kasut yang sesuai. Pakaian yang selesa dan kasut yang betul penting untuk memastikan pergerakan peserta tidak terbatas dan dapat menjalani aktiviti senaman dengan lebih lancar dan selamat.

Peserta juga digalakkan membawa tuala kecil dan air mineral. Ini adalah langkah penting untuk mengelakkan dehidrasi. Dengan memastikan tubuh kekal terhidrat, anda dapat mengelakkan keletihan dan masalah kesihatan lain yang mungkin timbul akibat kekurangan air dalam badan.

Seterusnya, peserta digalakkan untuk memakai pelindung matahari bagi melindungi kulit daripada sinaran matahari. Di samping itu, pastikan untuk tidak mengambil makan berat sebelum aktiviti dan memilih makanan ringan yang lebih mudah dicerna, seperti buah-buahan atau kekacang.

Peserta juga dinasihatkan untuk melakukan pemanasan sebelum memulakan senaman dan regangan untuk mengurangkan risiko kecederaan. Dengan mengikuti tip ini, peserta akan dapat menjalani aktiviti luar dengan lebih selesa dan selamat, sambil memaksimumkan manfaat kesihatan yang diperoleh daripada senaman tersebut.

Bagaimanakah pengunjung ingin mendapatkan maklumat tentang PAP 2025?

Orang ramai boleh layari media sosial kami iaitu Facebook @Perbadanan Putrajaya; X @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

Jangan lepaskan peluang untuk menyertai program ini dan menjadi sebahagian daripada komuniti aktif yang mempromosikan gaya hidup sihat di Putrajaya. Peserta setia yang mengikuti kesemua siri PAP ini akan mendapat hadiah misteri daripada pihak PPj di akhir siri nanti. 


FADLUN

Pickleball aktiviti riadah komuniti

RAIH SAMBUTAN POSITIF

SABRINA SABRE

BAGI memperkenalkan sukan baharu yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat, Persatuan Pickleball Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPWPP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) menganjurkan klinik pengenalan sukan itu baru-baru ini.

Diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9 (1), program tersebut bertujuan memberi pendedahan awal tentang asas permainan pickleball khususnya kepada pelajar di sekitar Putrajaya.

Presiden Persatuan Pickleball Wilayah Persekutuan Putrajaya, **Amir Farid Abdul Majid** berkata ia merupakan s e b a h a g i a n daripada inisiatif memperkenalkan sukan baharu kepada komuniti, sejajar dengan usaha kerajaan mempromosi gaya hidup sihat dan pengukuhan hubungan sosial.

"Lebih 100 peserta terdiri daripada pelajar dan guru hadir dan diberi tunjuk ajar oleh jurulatih bertauliah yang berkongsi teknik

asas seperti cara memegang paddle, servis, pergerakan kaki dan strategi permainan.

"Program tersebut merangkumi sesi penerangan asas permainan, teknik asas serta perlawanan persahabatan. Ramai yang masih belum kenal apa itu pickleball. Bila mereka cuba, mereka terus jatuh cinta dengan sukan ini kerana ia seronok, santai dan tidak terlalu membebankan.

"Kami lihat pickleball mempunyai potensi besar untuk dijadikan sebagai sukan komuniti kerana ia mudah dimainkan, menyeronokkan dan sesuai untuk semua golongan," katanya.

Beliau berkata objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan kesedaran awal serta menarik minat pelajar dan masyarakat untuk menjadikan pickleball sebagai pilihan aktiviti riadah seisi keluarga.

"Pickleball bukan sekadar sukan baharu, tetapi sebuah platform perpaduan pelbagai lapisan masyarakat.

"Pickleball mudah dipelajari,



SUKAN pickleball semakin diminati warga Putrajaya.

tidak membebankan fizikal dan sesuai untuk semua peringkat umur. Ia berpotensi besar untuk dijadikan sebagai aktiviti riadah komuniti dan sukan kompetitif pada peringkat negeri dan kebangsaan," katanya program ini bukan sahaja bermanfaat dari segi kesihatan tetapi juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Selain itu, Amir menyatakan hasrat untuk menganjurkan lebih banyak program seumpama ini di masa akan datang dan sedang merancang mewujudkan Kelab Komuniti Pickleball di kawasan

sekitar Putrajaya.

"Dalam masa sama, kita akan memberikan fokus untuk membina program pembangunan atlet junior di Putrajaya dan berharap mereka terpilih untuk menyertai Asian Pickleball Championship yang akan diadakan pada Julai depan di Da Nang, Vietnam.

"Saya berharap program seperti ini dapat menjadi batu loncatan untuk mengembangkan sukan pickleball ke peringkat lebih tinggi termasuk penyertaan dalam kejohanan negeri, kebangsaan dan antarabangsa suatu hari nanti.

"Dengan semangat dan komitmen pelbagai pihak, tidak mustahil suatu hari nanti, Malaysia mampu melahirkan atlet pickleball bertaraf antarabangsa dan menjadikan negara ini sebagai hab utama pickleball di rantau Asia Tenggara," katanya.

Beliau turut menyuarakan keyakinan bahawa sukan ini mampu dimasukkan secara rasmi ke dalam kejohanan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), sekali gus membuka ruang kepada pencarian bakat baharu dari peringkat akar umbi. 



AMIR FARID

Tumpuan 20 sukan teras berprestasi tinggi

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah menetapkan senarai rasmi 20 sukan teras prestasi tinggi untuk dijadikan tumpuan utama dalam pembangunan sukan negara.

Perkara itu ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Bilangan 1/2025 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi** yang turut menghadiri Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan berkata pemilihan sukan teras ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria utama seperti penyertaan dan prestasi dalam kejohanan antarabangsa, pengurusan sukan dan program pembangunan atlet.

"Sukan yang disenaraikan ialah akuatik (renang dan terjun), angkat berat, badminton, berbasikal (trek), boling padang, e-sukan, gimnastik, hoki, karate, memanah, menembak, olahraga, pelayaran, pingpong, sepak takraw, silat, skuasy, taekwondo, tenis boling dan wushu.

"Senarai ini akan dinilai semula setiap empat tahun mengikut



SEKITAR Mesyuarat JKPS Bil. 1/2025.

kitaran temasya Sukan Olimpik," katanya.

Ahmad Zahid berkata penetapan itu juga menzahirkan komitmen Kerajaan MADANI dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet di peringkat antarabangsa.

"Penetapan ini membawa impak signifikan kepada pembangunan ekosistem sukan negara dengan menjadi rujukan utama kepada semua kementerian dan agensi

dalam perancangan program, peruntukan sumber dan pelaksanaan dasar berkaitan pembangunan sukan," katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan mesyuarat tersebut turut membincangkan perancangan program sukan elektronik oleh KBS bagi tahun ini.

Mesyuarat turut terarah kepada pengukuhan pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S) oleh Kementerian Pendidikan (KPM). 

Tamat kemarau 18 tahun

PASANGAN beregu lelaki negara, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik mencipta sejarah tersendiri apabila menamatkan penantian 18 tahun Malaysia selepas menjuarai Kejohanan Badminton Asia (BAC).

Ini selepas mereka menewaskan wakil tuan rumah di final yang berlangsung di Ningbo, China baru-baru ini.

Kejayaan tersebut cukup manis buat Aaron-Wooi Yik kerana memberi peluang kepada mereka untuk menebus kekecewaan apabila tewas pada final edisi 2022 di Muntinlupa, Filipina kepada pasangan Indonesia Pramudya Kusuma-Yeremia Rambitan, 21-23, 10-21 dan mempamerkan aksi cemerlang selepas mereka tidak tewas satu set pun sepanjang kejohanan.

Kemenangan itu bukan sahaja memahat nama mereka dalam sejarah badminton Asia, malah menyuntik semangat baharu kepada kontinjen negara menjelang kejohanan-kejohanan besar akan datang.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berharap pasangan keenam dunia itu terus membanggakan negara kerana seluruh negara sentiasa bersama mereka.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada pasangan beregu badminton negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik, yang memenangi gelaran beregu lelaki kejohanan BAC di Ningbo, China.

"Kemenangan straight set 21-19, 21-17 ke atas gandingan tuan rumah, Chen Bo Yang-Liu Yi dalam masa hanya 47 minit membuktikan keunggulan kalian sebagai pasangan beregu terbaik Asia. Malaysia Boleh," katanya dalam hantaran di Facebook.

Selaku juara, Aaron-Wooi Yik membawa pulang hadiah wang tunai AS\$37,000 (RM164,000), manakala Bo Yang-Liu Yi menerima AS\$17,500 (RM77,000) selaku naib juara. 

LONJAKAN NAMA, KERJAYA MIMI

SERIMAH SALLEHUDDIN

LAGU Angkat dan Serumpun yang dilancarkan berselang dua bulan membawa impak besar terhadap kerjaya Mimi Fly.

Sepanjang hampir dua dekad Shamimi Amalina Norhisham, 38, menyusun langkah dalam dunia nyanyian, ini kali pertama perhatian terarah kepadanya.

Sehingga dia tidak menang tangan menerima 'job' selepas Angkat dan Serumpun menjadi fenomena, malah jadualnya hanya kosong sekitar Jun nanti.

"Saya pun tak sangka begini sekali impak dan perhatian diberikan selepas Angkat dan Serumpun dilancarkan.

"Populariti kedua-dua lagu itu menyebabkan saya tiada masa untuk berehat. Saya tidak mengeluh sebaliknya seronok dengan apa dilalui sekarang dan berasa dirahmati.

"Ini adalah perkara yang saya impikan selama ini. Sepanjang bersama One Nation Emcees dan kemudian memilih untuk bergerak solo 10 tahun lalu, saya tidak pernah rasa sesibuk ini," katanya.

Menurut Mimi dalam sehari ada kalanya dia terpaksa berlari ke empat lokasi berbeza

memenuhi undangan nyanyian.

Tidak pernah lagi terjadi sepanjang kerjayanya dia tidak menang tangan menerima undangan.

"Dulu sewaktu One Nation Emcees lancarkan lagu Anak Kampung, kami pernah terima banyak undangan tapi tidak sesibuk ini.

"Saya tak pandai menolak 'job', setiap kali ada tawaran saya akan cuba jayakan. Saya tak suka hampakan harapan orang.

"Saya juga suka menghibur, nak suruh saya menyanyi hari-hari pun tidak apa. Lagipun baru sekarang saya dapat peluang ini, jadi sementara orang nak, saya 'bolot' dulu peluang yang ada," katanya.

Namun lantaran terlalu sibuk memenuhi undangan sana sini, Mimi mengalami ulser di bahagian tekak hingga menyukarkannya menelan dan menyanyi.

Semuanya gara-gara refluks asid akibat menikmati terlalu banyak juadah raya, tidak cukup tidur dan stres.

Namun dia terpaksa meneruskan kerja kerana perjanjian yang sudah dipersetujui, tetapi perkara

itu mengajar Mimi untuk lebih beringat selepas ini.

Walau bagaimanapun seakan-akan tidak mengenal erti lelah dan sementara dirinya diterima, Mimi kini sedang merencana buah tangan terbaru.

Akui sedikit tertekan memikirkan naskah baru yang bakal dihidangkan buat pencinta karyanya, Mimi menyifatkan tekanan itu berbaloi.

"Tekanan pasti ada tetapi saya anggap ia tekanan yang berbaloi. Lagipun mama selalu berpesan, jangan biarkan pencapaian atau kegagalan mempengaruhi fikiran kita.

"Mama juga berpesan jangan disebabkan sesebuah lagu itu menjadi, saya hanya tumpu pada lagu itu dan jadikannya sebagai perniagaan.

"Sebaliknya mama nak saya terus hasilkan karya-karya baru dan segar kerana itulah yang dinamakan seni.

"Rangka untuk lagu baru sudah ada, saya tidak mengehadkan genre macam mana tapi lebih kepada ikut suka hati saya. Rencananya saya ingin melancarkan lagu itu secepat mungkin tapi kita merancang, Allah yang tentukan. Jadi saya hanya berserah," katanya. 



Rezza Shah perjelas isu 'gangguan'

SEBELUM ini kecoh dalam kalangan peminat apabila penyanyi dan bekas peserta Calpis Soda One In A Million (CSOIAM), **Rezza Shah**, meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap seorang pengurus artis.

Luahannya di Instagram Note itu membuatkan ramai tertanya-tanya dan beranggapan Rezza Shah atau nama sebenarnya Muhammad Shah Rezza Abu Samah, 23, sedang bermasalah dengan pengurusnya yang dikenali sebagai Acu.

"Saya seorang yang

suka buat luahan sendiri di Instagram Note. Berkenaan luahan itu, ya saya buat mewakili kawan-kawan artis saya yang terkena menjadi 'mangsa' gangguan seksual pengurus mereka.

"Kata mereka, kalau nak job kena ikut apa kemahuan pengurus termasuklah layanan berbaur seksual.

"Saya bercakap bagi pihak mereka dan perlu dijelaskan di sini, pengurus yang buat gangguan seksual itu bukan pengurus saya. Saya nafikan dakwaan yang menuduh pengurus saya Acu cuba goda atau buat gangguan seksual terhadap saya. Itu pengurus artis lain," tegasnya.

Walau bagaimanapun, Rezza enggan mendedahkan siapa yang dimaksudkannya kerana tidak mahu membuka aib orang lain.

"Siapa artis yang menjadi 'mangsa' atau pengurus itu, biarlah saya seorang dan individu tertentu sahaja yang tahu. Seperti yang saya cakap, saya luah di Instagram untuk mewakili mereka. Tidak ada kaitan dengan saya pun. "Kisahanya, mereka tak

berani bersuara apabila terkena gangguan seksual, jadi saya luah dalam media sosial bagi pihak mereka secara umum dan tak ada sebut nama sesiapa.

"Ini bukan gimik atau saya nak raih perhatian. Saya memang bersuara mewakili kawan-kawan artis.

"Alhamdulillah, setakat ini tak ada gangguan seksual yang berlaku pada saya. Acu seorang pengurus yang baik," katanya.

Bukan itu sahaja, Rezza Shah juga sebelum ini pernah dikaitkan dengan isu disiplin dan mula lupa diri apabila memadam nombor telefon pengurusnya di Instagram.

"Setakat ini saya tak ada apa-apa masalah pun dengan pengurus. Kalau ada yang dakwa saya mula lupa diri dan tidak hormat jasa pengurus, mungkin itu salah faham atau ada yang buat cerita. Hakikatnya saya dan pengurus tiada apa-apa masalah," katanya.

Sejak nama semakin dikenali, Rezza akui masih berada di fasa awal dan banyak yang harus dicapai. 





RAIH SAMBUTAN POSITIF >>22

REZZA SHAH
PERJELAS ISU
'GANGGUAN' >>23

Berpaksikan nilai moral, asas kukuh MADANI

AKHLAK, INTEGRITI PEMIMPIN

AZLAN ZAMBRY

DALAM usaha merealisasikan gagasan Malaysia MADANI, para pemimpin di setiap peringkat diseru menampilkan akhlak yang tinggi sebagai tunjang kepada legasi kepimpinan yang lestari.

Perkara itu ditegaskan pendakwah, **Abdul Qayyum M Suhaimi** dengan konsep kepimpinan Islam berpaksikan nilai moral dan integriti merupakan asas kukuh kepada pembinaan budaya madani yang seimbang dari sudut rohani dan fizikal.

Beliau merujuk hadis riwayat Baihaqi, Ahmad dan Al-Hakim yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW diutuskan bagi menyempurnakan akhlak yang mulia.

Hadis ini katanya jelas menunjukkan elemen akhlak mulia merupakan faktor penting di samping kompetensi dan sikap amanah seseorang pemimpin itu sendiri.

"Kepimpinan Islam bukan semata-mata soal mentadbir. Ia adalah satu amanah yang memerlukan pemimpin untuk menjadi qudwah – contoh kepada rakyat.

"Budaya MADANI akan kekal slogan kosong jika tidak diterjemahkan dalam bentuk akhlak pemimpin yang hidup dan berfungsi dalam masyarakat," jelas beliau ketika ditemui Wilayahku.

Dalam menghadapi krisis

kepercayaan terhadap institusi dan pemimpin, beliau menegaskan bahawa legasi akhlak merupakan ukuran sebenar kejayaan sesebuah kepimpinan.

"Rakyat tidak hanya menilai prestasi ekonomi atau kemajuan infrastruktur. Mereka menilai kejujuran, ketelusan dan adab dalam membuat keputusan," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa kegagalan pemimpin menampilkan akhlak yang terpuji mampu mencemarkan keseluruhan gagasan MADANI.

"Islam memberi amaran yang keras terhadap kepimpinan yang zalim dan munafik.

"Ia bukan sekadar mencemarkan nama peribadi pemimpin itu, tetapi memberi kesan domino terhadap imej agama, budaya dan aspirasi rakyat. Pemimpin ialah cerminan ummah," tegas beliau.

Menyentuh soal pembinaan pemimpin berakhlak, beliau menyeru kepada penekanan nilai dalam pendidikan sejak peringkat awal.

"Kita perlukan sistem pendidikan dan latihan yang memupuk nilai amanah dan tanggungjawab, bukan hanya kemahiran teknikal.

"MADANI tidak akan lahir daripada sistem yang membentuk pemimpin berfikir untuk menang semata-mata, tetapi daripada sistem yang



membentuk jiwa untuk berkhidmat," tegasnya.

Mengulas contoh-contoh dalam sejarah Islam, beliau menamakan tokoh-tokoh seperti Rasulullah SAW, Khalifah Umar Al-Khattab dan Umar Abdul Aziz sebagai manifestasi kepimpinan yang tinggi akhlaknya dan kekal relevan untuk dijadikan rujukan.

"Nilai keadilan, ketegasan terhadap penyelewengan, sifat zuhud dan belas kasihan – semua ini adalah nilai akhlak yang membentuk tamadun.

"Jika kita benar-benar mahu mewariskan budaya MADANI, maka pemimpin hari ini perlu mewarisi semangat dan akhlak pemimpin terdahulu," katanya.

Budaya MADANI, menurut beliau bukan sekadar naratif pentadbiran, tetapi agenda pemulihan jiwa negara. "Ia hanya akan berjaya jika digerakkan oleh pemimpin yang tidak hanya bercakap tentang nilai – tetapi hidup dengannya," katanya.

Peranan pemimpin sangat memberi kesan yang besar kepada masyarakat.

Pemimpinlah yang akan menentukan generasi bagaimana yang akan dibentuk sama ada masyarakat dengan akhlak mulia ataupun masyarakat toksik yang sentiasa mencari kesalahan orang lain.

Gagasan MADANI yang digariskan kerajaan kini, harus merangkumi seluruh aspek kehidupan seseorang bukan sekadar terhadap polisi dan dasar sahaja, tetapi atas setiap individu di Malaysia perlu menerapkan nilai MADANI dalam diri masing-masing. 



ABDUL QAYYUM



SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

